# Pelita Brunei

DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI

TAHUN 24 BILANGAN 41 | RABU 10HB OKTOBER, 1979. | رابو 18 ذوالقعدة 1399 | PERCHUMA




YB Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz (kanan) menguchapkan selamat belayar kapada salah sa-orang jemaah haji dalam kumpolan kedua yang bertolak pagi semalam. Turut juga berada di-lapangan terbang antarabangsa Brunei untok menguchapkan selamat belayar kapada jemaah2 haji itu ia-lah YB Pehin Orang Kaya Ratna Diraja Dato Seri Utama Awang Haji Mohd Zain (tengah) dan YB Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Setia Awang Haji Hussain.

## KUMPOLAN KEDUA 348 ORANG JEMAAH HAJI BERLEPAS

BERAKAS — Sa-ramai 348 orang lagi jemaah haji rombongan kedua telah berlepas meninggalkan negeri ini dalam perjalanan menuju Jeddah melalui Singapura dan Bahrin pagi semalam.

Penerbangan tersebut dengan menggunakan Boeing 747B kepunyaan Sharikat Penerbangan Singapura ada-lah merupakan kumpolan terakhir jemaah haji negeri ini yang berjumlah 748 orang untok menunaikan fardhu haji bagi tahun ini. Kumpolan pertama sa-ramai 400 orang telah berlepas pada hari Selasa, 2hb. Oktober yang lalu.

Sharikat penerbangan Singapura telah mendapat tempahan sewa khas bagi mengangkut jemaah2 haji kita tahun ini dan ada-lah di-fahamkan penerbangan yang menggunakan Boeing 747B dari SIA itu merupakan penerbangan kapal terbang yang terbesar pernah membawa para jemaah kita ka-tanah suchi sejak tahun 1973 dengan 629 jemaah melalui jet DC 10 kepunyaan Court Line Aviation Limited.

Penerbangan kedua telah di-sertai antara-nya oleh empat orang pegawai perhubongan Haji yang di-lantek ia-itu, YDM Pehin Datu Pekerma Wijaya Mejar Dato Hussin bin Haji Sulaiman, Awang Abdul Rajid bin Haji Abdul Kadir, Awang Puasa bin Tudin dan Awang Haji Jali bin Abdul Latif.

Saperti mana juga dengan penerbangan jemaah haji kumpolan pertama, bangunan Lapangan Terbang Antarabangsa telah penoh sesak oleh ribuan sanak-saudara dan sahabat handai para jemaah kumpolan kedua bagi menguchapkan selamat belayar ka-tanah suchi.

Sa-belum menaiki kapal terbang, jemaah haji tersebut telah di-hadiahkan dengan sa-botol plastik bagi mengisi ayer zam-zam oleh kaki-tangan SIA dan di-bahagi-bahagikan di-landasan lapangan terbang.

Turut berada di-lapangan terbang bagi menguchapkan selamat berangkat kapada para jemaah itu termasok-lah YB. Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz, YB. Pehin Orang Kaya Ratna Diraja Dato Seri Utama Awang Haji Mohd. Zain, YAM Pengiran2 Cheteria, Ahli2 Yang Berhormat dan lain2 pegawai kanan kerajaan.

Dan buat pertama kali tahun ini sa-panjang penerbangan jemaah haji sa-lama ini Bahagian Melayu Radio Brunei telah membuat liputan di-sekitar penerbangan tersebut terus-menerus dari lapangan terbang yang di-terbitkan oleh Awang Mohd. Noor Yassin.

# NEGERI BRUNEI BERTUAH TERHINDAR DARI WABAK PENYAKIT

### Manis-nya Iman

**UQBAH bin Amir mengatakan: "Saya pernah bertanya kapada Rasulullah: Apa-kah chara untok selamat? Baginda menjawab: Pelihara-lah baik2 lidah mu; hendak-lah rumah tangga mu menyenangkan hati mu; dan tangisi-lah kesalahan mu"— HADITH Nabi riwayat At-Tarmizi.**

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pengarah Perkhidmatan2 Perubatan Brunei, Pehin Dato Dr. P.I. Franks, dalam perutusannya sempena Minggu Kesihatan 1979 telah menegaskan bahawa bertambah-nya masaalah2 kesihatan ada-lah di-sebabkan oleh keadaan alam sekeliling.

Kata-nya, di-antara puncha2 utama yang menyebabkan penyakit dan malah kematian dalam negeri2 membangun ada-lah dari keadaan2 yang kotor dan penyakit2 yang berjangkit yang mengiringi-nya.

"Ada-lah nyata bahawa jika penchemaran alam sekeliling di-biarkan terus tanpa di-awasi, ia-nya akan menyebabkan kerosakan yang tidak berketentuan kapada kehidupan", ujar-nya.

Menurut Pehin Dato Dr. P.I. Franks, walaupun kita di-Brunei ini amat beruntong kerana masaalah tersebut telah dapat di-hapuskan kapada kadar yang agak meluas, namun maseh terdapat banyak lagi yang kita perlukan.

Ini termasok-lah penchemaran sekeliling yang di-sebabkan oleh pembuangan sampah sarap dengan tidak tentu arah dan membuang-nya di-tepi2 jalanraya ada-lah menjadikan-nya terlalu kotor di-kebanyakan tempat2 di-negeri ini terutama-nya dengan ada-nya pertambahan dan perpindahan pendudok.

Kata-nya, tiap2 raayat ada-lah berhak kapada suasana alam sekeliling yang sehat dan selamat. Bahagian Kesihatan Awam, Jabatan Perubatan dan Kesihatan ada-lah di-ujudkan untok memberikan perkhidmatan2 bagi menchapai taraf kesihatan dan kebersehan alam sekeliling pada peringkat yang tinggi.

"Pada waktu yang sama usaha2 pendudok dan bantuan orang ramai ada-lah perlu bagi kejayaan pengawalan perkhidmatan2 kesihatan", tambah-nya.

Minggu Kesihatan di-Brunei akan di-lancharkan mulai 14hb Oktober hingga 21hb Oktober 1979 dan merupakan Kempen Kesihatan tahun kedua, sa-bagai lanjutan kapada aspek penchemaran alam sekitar bagi menimbulkan kesedaran kapada orang ramai serta mengujudkan penyertaan pendudok negeri ini dalam mengekalkan suasana alam sekitar yang berseh.

Lihat muka 20

## Pepereksaan GCE Singapura Camb. bermula 12hb Nobember

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pepereksaan bagi Sijil Am Pelajaran Singapura Cambridge 'O' Level (Aliran Melayu) bagi tahun ini akan di-mulakan pada 12hb Nobember di-beberapa buah pusat pepereksaan sa-hingga 30hb Nobember.

Sementara itu, chalun2 untok mengambil ujian amali jahitan dan membuat pakaian bagi pepereksaan tersebut ada-lah di-ingatkan bahawa ujian tersebut akan di-adakan di-Maktab Melayu Paduka Seri Begawan Sultan, Jalan Muara pada 5hb Nobember mulai jam 8.00 pagi.

Ujian amali pertukangan kayu bagi pepereksaan tersebut telah di-jalankan semalam di-maktab yang sama.

## Berkursus di-S'pura

BANDAR SERI BEGAWAN. — Penolong Pengarah Kerja Raya, Awang Haji Othman bin Haji Ya'akub telah bertolak ka-Singapura pada hari Sabtu lalu untok mengikuti kursus dalam perkhidmatan sa-chara penempatan di-Republik tersebut sa-lama empat bulan.

Beliau akan di-tempatkan di-Jabatan Kerja Raya Singapura sa-lama dua bulan dan dua bulan lagi di-Jabatan Lembaga Kemajuan dan Perumahan Singapura.

Bertolak pada hari yang sama ia-lah tiga orang Wadar dari Jabatan Penjara. Ketiga2 orang Wadar itu Pg Ismail bin Pengiran Ahmad, Awang Kasmat bin Hashim dan Awang Md Ali bin Abdullah akan mengikuti kursus wadar di-republik itu sa-lama 12 minggu.

Sa-masa berada di-sana, mereka akan mengikuti kursus mengenai undang2 penjara, latehan2 pemeliharaan dan disiplin bagi banduan2 serta mempelajari tanggong-jawab dan tugas2 sa-bagai wadar.

Di-samping itu, mereka juga akan mengikuti latehan dalam chara2 menggunakan senjata2, berbaris dan kawad serta latehan chara2 mempertahankan diri.

Wadar2 itu juga akan di-beri peluang untok melawat penjara2 dan tempat2 tahanan bagi budak2 nakal yang di-bawah jagaan Jabatan Penjara Republik Singapura.

Pelita Brunei
AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI
DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

10HB OKTOBER, 1979

بسم الله الرحمن الرحيم

## AMARAN KPD. KERETA YANG DI-UBAHSUAI

JABATAN Pengangkutan Darat telah mengulangi amaran-nya mengenai penggunaan barang2 tambahan ka-atas kereta atau tegas-nya pengubahsuaian kereta tanpa kebenaran. Ini termasok-lah merendahkan spring kereta, chermin gelap, tayar2 dan rim spot, lampu2 yang di-tutop dan pelekat2.

Menurut pehak yang berkuasa Jabatan Pengangkutan Darat, kereta2 yang di-dapati mempunyai pemasangan sa-umpama itu jika di-dapati akan di-ambil tindakan. Kebenaran hendak-lah terlebeh dahulu di-dapati sa-belum sa-barang pengubahsuaian di-buat ka-atas kereta. Pemandu2 kereta juga di-nasehatkan supaya mempastikan jentera dan tayar kereta mereka berada dalam keadaan yang baik.

Perangkaan2 menunjokkan sa-bilangan besar kereta2 yang terlibat dalam kemalangan itu mempunyai ubahsuai yang mengikut 'fancy' pemilek-nya tanpa menghiraukan keselamatan-nya untok di-pandu dan juga keselamatan pengguna2 jalanraya yang lain di-negeri ini.

Ada alasan yang di-buat-buat mengatakan, kemalangan2 itu berlaku ada-lah di-sebabkan kereta sa-makin bertambah — sedangkan jalanraya yang di-gunakan itu juga tidak lebeh dan tidak kurang.

Satu alasan yang barang kali agak lojek ia-lah kemalangan di-jalanraya tidak dapat di-elakkan, kalau sudah di-takdirkan Allah, akan tetapi usaha kita pada mengurangkan kemalangan itu ada-lah patut di-buat. Salah satu daripada usaha itu ia-lah meminta perhatian berat serta kerjasama pehak pemilek kereta yang mengubahsuai kereta, pemandu kereta hendak-lah mempunyai tatatertib sa-waktu memandu kereta di-jalanraya, bertolak ansor antara satu sama lain terhadap pengguna2 jalanraya dan sa-umpama-nya.

Ada-lah di-harapkan agar berkurang-nya kemalangan jalanraya di-negeri ini; terutama-nya kita serukan kapada pemilek dan pemandu kereta supaya mematohi sa-tiap arahan yang di-buat untok menghindarkan atau mengurangkan kemalangan jalanraya. Demikian juga kerjasama dari pemilek2 kereta supaya tidak akan mengubahsuai kereta2 mereka tanpa kebenaran dari pehak berkuasa. Ada-lah di-nasehatkan juga mana2 kereta yang telah di-ubahsuai tanpa kebenaran itu supaya memaklumkan-nya kapada pehak berkuasa samada untok di-luluskan dan sa-umpama-nya atau mengubah-nya kapada yang asal sa-belum tindakan di-ambil ka-atas kereta mereka itu.

Mematohi arahan dan peratoran2 demi keselamatan jalanraya ada-lah di-antara jalan keluar bagi mengurangkan kemalangan jalanraya di-negeri ini dan bukan di-sebabkan bertambah-nya bilangan kereta atau di-sebabkan jalanraya itu dan ini. Alasan sengaja di-buat-buat dan tidak mematohi arahan serta peratoran keselamatan jalanraya, ada-lah akan menambah burok lagi keadaan kemalangan di-jalanraya. Dan pehak berkenaan Pengangkutan Darat dan juga Pulis, tidak akan teragak-agak mengambil tindakan ka-atas sa-tiap kereta yang di-ubahsuai tanpa kebenaran terlebeh dahulu dan sa-umpama-nya demi kebaikan kita bersama di-negeri ini.

Demi kebaikan kita bersama itu atau demi kesejahteraan pengguna2 jalanraya seluroh-nya, maka tindakan yang akan di-jalankan itu, walau apa pun bentok-nya menurut kehendak undang2 yang di-berikan ka-atas-nya, tidak-lah timbul soal2 "timbang-rasa". Kerana sa-jauh ini, pehak2 yang berkenaan sudah terlalu banyak bertimbang-rasa dan terlalu banyak menunjokkan sifat2 berlembut, tetapi malang-nya sikap2 yang demikian itu sama sekali tidak dapat mengurangkan kemalangan malah sa-makin bertambah. Ini ada-lah lebeh besar berpuncha kerana ketiadaan atau pun kurang-nya sikap menghargakan sifat2 toleransi yang telah di-lakukan oleh pehak2 yang berkenaan itu.

Apa-kah tindakan baru dari Jabatan Kenderaan Darat ini akan mendapat kesan yang memuaskan? Ini ternyata lebeh banyak bergantong kapada sa-tiap orang yang mempunyai kereta — tidak kira siapa, asalkan ia-nya terkandong dalam peruntokan undang2 untok di-ambil tindakan. Oleh itu, atas usaha2 yang baik ini, wajib-lah kita mematohi-nya jika kita sa-benarnya penchinta kesejahteraan.

## PADA HEMAT SAYA....

# MOTOR TAMBANG

BERAPA bilangan motor-sangkut yang di-gunakan bagi 'menambang' di-Kampong Ayer?

Tiada siapa yang tahu. Dan tiada pula pehak yang dapat di-rujok bagi memberikan butir2 angka dan lain2 perkara mengenai hal ehwal menambang itu. Sebab-nya: tidak saperti teksi atau bas atau lain2 kenderaan darat, motor-sangkut di-perayeran kita — bukan saja di-kawasan Kampong Ayer — ada-lah tidak berdaftar!

Sa-benar-nya saya tidak-lah mementingkan bilangan-nya. Kalau sa-takat mahu tahu banyak atau sedikit-nya memadai dengan saya berdiri di-hadapan Pejabat Penerangan ini dan memandang ka-kiri dan ka-kanan perayeran Kampong Ayer. Akan jelas kelihatan: lalu-lintas motor-sangkut itu amat sebok sa-kali. Lebeh sebok lagi pada waktu2 tertentu di-hari2 tertentu, malam dan siang-nya. Penglihatan begitu dapat memberikan jawapan bahawa bilangan-nya memang banyak.

### KESELAMATAN

Soal-nya: orang2 yang terlibat menggunakan 'teksi laut' itu akhir2 ini sudah mula berfikir tentang keselamatan lalu-lintas di-perayeran Kampong Ayer itu.

Mereka itu tidak sa-mesti-nya pendudok2 Kampong Ayer yang sa-penoh-nya bergantong kapada kenderaan yang jenis dan saiz-nya berlainan itu bagi menghubongkan mereka dengan tebing Bandar Seri Begawan, tetapi juga orang2 saperti saya yang juga berulang-alek ka-Kampong Ayer kerana memang kami berasal di-situ.

Terus terang, saya sendiri sunggoh chemas apa-bila menaiki motor-tambang. Bukan saja baru sekarang sa-telah terjadi beberapa kemalangan akhir2 ini yang melibatkan nyawa penambang dan penumpang, tapi sejak lama dahulu sa-telah mendapati lalu-lintas di-perayeran Kampong Ayer itu sa-makin sebok ranchak-nya. Dan lebeh chemas pula bila menyedari pertambahan kesebokan-nya itu tidak sa-rentak dengan perhatian berat yang wajar di-berikan mengenai keselamatan-nya.

Maksud saya: apabila terjadi kemalangan2, kes2 kemalangan itu saperti tidak di-ambil pusing. Ia menjadi buah mulut dalam sa-hari dua. Sa-lepas itu senyap. Baik pada diri penambang mahu pun pada penumpang mudah saja melupakan kes2 kemalangan itu. Paling ada pun sa-takat ristaan itu dan ini.

Saya faham mungkin kerana masing2 terlalu sebok untok sempat berfikir. Kedua-dua pehak — penambang dan penumpang — sama2 berkepentingan. Penambang2 berkepentingan supaya kegiatan menambang berjalan terus, dan penumpang2 juga mahu begitu sebab tidak ada pilehan lain bagi pengangkutan di-situ.

Tapi saya kurang faham mengapa dalam menjaga kepentingan begitu orang2 kita bersikap 'berat buku' untok melakukan sa-suatu yang sa-kira2 dapat pula memelihara kepentingan ramai, termasok-lah kepentingan penambang dan penumpang.

Saya sedia maklom kita biasa akan 'menugaskan' sa-suatu untok di-lakukan oleh pehak2 berkuasa. Dan begitu-lah hal-nya dalam masaalah lalu-lintas di-perayeran Kampong Ayer ini.

### CHAMPUR-TANGAN

Dalam pada saya tidak menolak 'kepatutan' yang wajar bagi 'champur-tangan' pehak berkuasa, saya saperti juga orang2 lain yang sa-makin merasa chemas, berhak pula 'mematutkan' penambang2 dan penumpang2 bagi melakukan sa-suatu langkah keselamatan yang perlu.

Banyak perkara yang dapat di-buat oleh pehak penambang2 itu terlebeh dahulu. Terutama sa-kali ia-lah sikap terhadap sa-sama mereka sendiri. Kalau ramai mereka yang bersikap sabar dalam mendapatkan penumpang tentu-lah tidak ada 'perlumbaan' sa-waktu merapat di-tebing atau di-tangga, dan tidak pula mustahak sangat berlaju-lajuan ketika membawa dan sa-telah menurunkan penumpang.

Sunggoh saya kurang faham apa sangat mustahak-nya berlumba-lumba merapat tangga atau tebing dan berlaju-lajuan itu kalau di-banding dengan kepentingan mereka sendiri. Akibat hal itu yang jelas tidak pula menjamin keuntongan yang berlebehan. Pertama perahu mereka akan sileh bergisiran dan berantokan. Kedua penumpang2 sendiri tentu tidak selesa dengan kelajuan yang tidak perlu lagi membahayakan itu, kerana sa-kurang2-nya, saperti yang kerap terjadi, ia-lah penumpang2 kebasahan oleh semboran ayer terutama sa-waktu menyungsong angin dan ombak!

Hal yang kedua itu bukan-kah akan mengurangkan minat penumpang2 untok menjadi pelanggan tetap? Lain-lah hal-nya kalau memang penumpang2 tidak ada pilehan lain sebab semua penambang bersikap begitu.

**Dan ini-lah yang menduka-chitakan sa-benarnya, ia-itu penambang terus-menerus merasakan khidmat-nya di-perlukan tapi tidak pula chuba memberi atau meningkatkan mutu perkhidmatan mereka dengan sa-baik2-nya.**

### LAMPU

Pada waktu malam pula lagi menchemaskan. Sunggoh pun hampir rata2 mereka ada lampu, sama ada memang kerana ada jenis enjin yang boleh membekalkan lampu, tapi rata2 pula tidak ada mempunyai lampu yang terus-menerus menyala. Sebab kalau lampu pichit ia chuma di-sulohkan sa-kali sa-kala, dan kalau lampu yang di-sambong ka-enjin ia dengan sendiri-nya hanya akan menyala terang kalau enjin tengah berjalan kuat. Apa hal-nya kalau enjin terhenti kerana terlanggar 'uras' atau rosak? Bayangkan-lah: terapong-apong di-tengah perayeran di-dalam gelap sedang lain2 motor-sangkut lalu-lalang dengan ranchak-nya. Hanya takdir Allah sahaja yang menentukan!

> "DALAM pada saya tidak menolak kepatutan yang wajar bagi champor tangan pehak berkuasa, saya saperti juga orang2 lain yang sa-makin merasa chemas, berhak pula mematutkan penambang2 dan penumpang2 bagi melakukan sa-suatu langkah keselamatan yang perlu."

Sunggoh. Banyak perkara yang patut di-patutkan kapada penambang2 dalam usaha menjaga keselamatan lalu-lintas di-perayeran Kampong Ayer ini. Sa-lebeh-nya pula ada perkara yang orang ramai yang menjadi penumpang patut memerhatikan-nya. Antara-nya: apa sangat perlu-nya dudok bertenggek (bertengger) ketika di-motor-tambang pada hal itu boleh menghalang penglihatan pemandu?

### BUKAN SA-TAKAT MAHU TAHU

Begitu-lah. Saya kemukakan hal ini dalam saya tidak menolak kepatutan yang wajar bagi champur-tangan pehak berkuasa. Erti-nya dalam kita berfikir mengenai keselamatan lalu-lintas di-perayeran Kampong Ayer ini mana2 yang patut di-dahulukan, dan memang dapat dan malah tidak merugikan patut-lah di-dahulukan. Dan pada hemat saya penambang2 dan penumpang2 patut-lah mendahulukan langkah2 keselamatan itu.

Maka kalau juga orang maseh ingin tahu bilangan motor-sangkut dan perkara2 hal ehwal teksi laut ini maka itu erti-nya bukan-lah sa-takat mahu tahu perangkaan-nya bagi kegunaan kajian ilmiah atau sa-takat jadi bahan menongan. Saya perchaya pertanyaan saperti itu kalau berterusan ada-lah lebeh berupa permintaan supaya di-ambil langkah2 yang dapat menghilangkan atau mengurangkan kechemasan orang2 yang sudah mula terfikir akan bahaya2 yang sa-makin meningkat dengan meningkat ranchak-nya kegiatan pengangkutan di-perayeran Kampong Ayer yang sekarang berombakkan "ombak buatan" itu.
**— Haji Badaruddin.**



Lalu-lintas yang sebok tidak menchemaskan penambang2 meski pun selalu kedapatan charok bertemu charok waktu seberang menyeberang saperti kelihatan dalam gambar atas.

# GARBAGE REMOVAL SERVICE

BANDAR SERI BEGAWAN.—In order to provide a clean and hygienic environment for villagers, the Municipal Board last week introduced a garbage removal service to them within three miles of the capital.

According to the Board, the success of the new service depends very much on the availability of labour and facilities.

The first village benefited from the service is Kampong Perpindahan.

Those who need the service are asked to fill in the forms available at the Municipal Board here.

# 36 officials promoted

BANDAR SERI BEGAWAN. —H.H. the Sultan has approved the promotions for thirty six government officials.

According to a list of names issued by the Establishment Department, the officials include four administrative officers.

The four officers' promotions take effect from April 1, 1979.

In the mean time, ten trained teachers and two special grade teachers from the Education Department were promoted to be the assistant lecturers on June 1, 1979.

As for the Radio and Television Brunei, three Grade Two programme assistants were promoted to Grade One posts with effect from July 1, 1979.

Three Immigration Department's officers were also upgraded to be the senior officers effective July 1.

The full list of promotions was published in the Pelita Brunei (Malay version) last week in page 12.



A Veterinary Assistant from the Veterinary Clinic of Agriculture Department, Awang Shahril bin Haji Shahbuddin (above), left the state last week for Britain to undergo an in-service training course.

He is now attending a two-year diploma course on agriculture at the Royal College of Agriculture in Cirencester.

Awang Shahril began his service with Brunei Agriculture Department in January 1974 after graduating from the MARA Institute of Technology in Kuala Lumpur.



# Tutong Agricultural Show

TUTONG. — The Tutong District's annual agricultural show will be held at the Keriam Malay School here on the twenty-fifth of next month.

The show is being organised by the District's Agriculture Department.

A spokesman for the department has urged members of the public especially farmers to take part by sending as many entries as possible.

Transport to take the exhibits including livestock to and from the venue will be provided by the department.

Further details are now available from the Secretary of the show's organising committee, Awang Suhaimi bin Abu Bakar at the Agriculture Department here or from the department's field officers.

Winners will be awarded attractive prizes.

# 12 attend course

BANDAR SERI BEGAWAN. — Twelve government employees last week attended a three-day course for telephone operators and receptionists at the Establishment Department's Training Centre in Jalan Berakas here.

The course organised by the department was aimed at instilling in them a wider sense of the importance of maintaining better relations with the public.

On the first day of the course, the participants heard a talk by Awang Mustapha bin Haji Abdul Rahman, an official of the Establishment Department

# Inspections in Temburong

BANGAR. — The Weights and Measures Section of the State Secretariat commenced the annual inspections of weighting and measuring instruments in the Temburong District last week.

Officials from the Section are conducting the inspections at government quarters number one in Bangar until October 1.

Similar inspections in other districts are underway and will end at the end of the year.

# New furniture premises

BANDAR SERI BEGAWAN. — The Furniture Store Section of the Public Works Department is now situated at its new premises near the old airport in Berakas.

The opening ceremony of the new complex was performed last Wednesday by the Assistant Director of Public Works, Awang Haji Osman bin Haji Yaakub.

The new building was built at a cost of one and a half million dollars and comprises one office block, a workshop, four store blocks and a guard house.

# 347 PERFORM HAJ

BANDAR SERI BEGAWAN. — The second and final group of Brunei pilgrims totalling three hundred and forty seven left the State yesterday by a Singapore Airlines' Boeing 747 Jumbo jet for Mecca to perform Haj.

Hundreds of people including the State dignitaries, pilgrims' relatives and friends were at the Brunei International Airport to bid them farewell.

The first party of four hundred pilgrims left Brunei last week for Mecca.

A record number of seven hundred and forty seven Muslims in the State perform the Haj this year.

The picture on the left shows the State Secretary, Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz, saying good-bye to one of the pilgrims on board the jet before it takes off.

# Five cyclists off to Kuala Lumpur

BANDAR SERI BEGAWAN.—Five cyclists from the Brunei Amateur Cycling Association left for State for West Malaysia last week to take part in the Asian Cycling Championships.

The group was seen off at the airport by the Director of Welfare, Youth and Sports, Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Setia Awang Haji Hussein.

Cyclists from other sixteen countries compete in the tournaments held in the capital of Malaysia, Kuala Lumpur.

Brunei delegation headed by the Association's President, Awang Azahari bin Md Ali and three officials only participated in two long distance events.

The first event held on Sunday was the one hundred kilometre race whilst the second one, was the one hundred and eighty kilometre cycling to be held tomorrow.

# Brunei JCE examination

BANDAR SERI BEGAWAN. — The Brunei Junior Certificate of Education examination started on Thursday with two weeks of oral tests.

Two thousand eight hundred and fifty candidates from the English medium and one thousand candidates from the Malay medium sat for the examination.

The written tests will be held in early November.

# Tahlil Prayer ceremonies

BANDAR SERI BEGAWAN. — Staff of the Brunei/Muara District Office and Penghulus and Kampong Ketuas in the district held a Tahlil mourning prayer at the Royal Mausoleum last Friday morning for the late Duli Yang Teramat Mulia Paduka Suri Seri Begawan Raja Pengiran Anak Damit.

Residents of Kampongs Serdang, Belukut and Dato Gandi in the district held the similar ceremonies as well.

The tahlil ceremonies were also held at two different places on Thursday.

One of the ceremonies was held in the morning at the Pengiran Muda Al-Muhtadee Billah Religious School in Kampong Ayer and the other at the Youth Centre here in the evening.

Meanwhile, students of religious schools in the Brunei/Muara District last week also held the similar ceremonies at the Royal Mausoleum and at the Raja Isteri Pengiran Anak Saleha Religious School in Kampong Ayer.



A 20th night tahlil prayer ceremony led by the State Secretary, Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz was held at the Palace in the capital in honour of the late mother of H.H. the Sultan.

The picture shows the officials from all sections of the State Secretariat taking part in the ceremony.

# KEMPEN KESIHATAN — 14HB HINGGA 21HB OKTOBER

BANDAR SERI BEGAWAN. — Minggu Kesihatan akan di-adakan di-seluroh negeri mulai 14hb hingga 21hb Oktober ini.

Kempen kali kedua yang di-anjorkan oleh Jabatan Perkhidmatan2 Perubatan dan Kesihatan itu akan di-tumpukan di-beberapa buah kawasan yang tertentu di-ke-empat2 daerah negeri ini mulai hari Ahad ini. Thema kempen pada tahun ini ia-lah "Jangan Jadi Sa-Orang Pengotor".

Menurut sa-orang juruchakap Jabatan Perubatan menyatakan bahawa kempen pada tahun ini akan lebeh memberatkan supaya sa-tiap orang akan dapat menjaga alam sekitar yang berseh ia-itu bermula dari rumah demi untok mengujudkan satu tempat yang berseh dan menyegarkan.

Menurut-nya, lapan buah kawasan di-Daerah Brunei-Muara; tiga di-daerah2 Temburong dan Belait dan kawasan dari Pasar Lembaga Bandaran hingga ka-Pantai Kenangan di-Daerah Tutong telah di-pileh untok di-bersehkan.

Kawasan2 di-Daerah Brunei-Muara yang terlibat dalam kempen tersebut ia-lah kawasan Bandaran Bandar Seri Begawan, Jalan Gadong, Jalan Tutong hingga simpang Jalan Gadong, Jalan Kebangsaan dan Tebing Sungai di-belakang Pam Minyak Teck Guan. Kempen membersehkan kawasan2 ini akan di-jalankan pada 14hb, 19hb dan 21hb Oktober mulai jam 7.30 pagi.

Pantai Muara dan Sungai Kechil belakang kedai Pekan Muara dan Pantai Tungku. Ahli2 Kelab Lion akan menjalankan pembersehan di-kawasan2 Pantai Muara dan Sungai Kechil di-belakang kedai Pekan Muara sementara ahli2 Kelab2 Rotary membersehkan Pantai Tungku.

Kempen pembersehan kawasan yang terlibat di-Daerah Tutong akan di-adakan pada hari Ahad 14hb Oktober mulai jam 8.00 pagi.

Kampong Batang Duri, Kampong Amo dan Kampong Lapang ia-lah kampong2 yang terlibat dalam kempen tersebut dan pembersehkan di-ketiga2 buah kampong ini akan di-jalankan sa-lama tiga hari mulai 15hb Oktober mulai jam 2.00 petang.

Kempen pembersehan bagi kawasan Bandaran Kuala Belait dan Seria di-Daerah Belait akan di-jalankan pada hari Ahad 21hb Oktober mulai jam 7.00 pagi sementara Pantai Lumut akan di-bersehkan oleh ahli2 Kelab Lion Belait.

Ada-lah di-fahamkan kempen pembersehan ini akan di-ambil bahagian oleh Jabatan2 Kerajaan, ahli2 persatuan dan kebajikan, badan sukarela dan orang ramai.

## Perutusan2 dari Pengarah dan Timbalan Pengarah Perkhidmatan2 Perubatan Sempena Kempen Kesihatan



YB Pehin Orang Kaya Tabib Laila Diraja Dato Dr P. I. Franks

## KEADAAN YANG KOTOR PUNCHA UTAMA MENYEBABKAN PENYAKIT

BERTAMBAH-NYA masaalah2 kesihatan yang di-sebabkan oleh keadaan alam sekeliling, sekarang ini telah pun menjadi fenomena seluroh dunia.

Di-antara puncha2 utama yang menyebabkan penyakit dan malah kematian dalam negeri2 yang membangun ada-lah dari keadaan2 yang kotor dan penyakit2 yang berjangkit yang mengiringi-nya.

Ada-lah nyata bahawa jika penchemaran alam sekeliling di-biarkan terus tanpa di-awasi, ia-nya akan menyebabkan kerosakan yang tidak bertentuan kapada kehidupan di-planet ini.

Walaupun kita di-Brunei ini amat beruntong kerana masaalah ini telah pun di-hapuskan kapada kadar yang agak meluas namun maseh terdapat banyak yang kita perlukan.

Penchemaran alam sekeliling yang di-sebabkan oleh pembuangan sampah-sarap dengan tidak tentu arah dan membuang-nya di-tepi2 jalanraya ada-lah menjadikan-nya terlalu kotor di-kebanyakan tempat2 di-negeri ini terutama-nya dengan ada-nya pertambahan urbanisasi dan perpindahan pendudok.

Tiap2 raayat ada-lah berhak kapada suasana alam sekeliling yang sihat dan selamat. Bahagian Kesihatan Awam Jabatan Perubatan dan Kesihatan ada-lah di-wujudkan untok memberikan perkhidmatan2 bagi menchapai taraf kesihatan dan kebersehan alam sekeliling pada peringkat yang tinggi.

Pada waktu yang sama usaha2 pendudok dan bantuan orang ramai ada-lah perlu bagi kejayaan pengawalan perkhidmatan2 kesihatan.

Dengan hal yang demikian Minggu Kesihatan di-Brunei akan di-lancharkan bagi tahun kedua-nya sa-bagai lanjutan kapada kemunchak aspek penchemaran alam sekitar ini ia-itu dengan chara menimbulkan kesedaran kapada orang ramai dan mengujudkan penyertaan pendudok negeri ini dalam mengekalkan suasana alam sekitar yang sehat.

Oleh yang demikian ada-lah mengembirakan kerana mengetahui ada-nya reaksi yang tersendiri dari Jabatan2 Kerajaan dan pertubohan2 sukarela untok menyertai dalam kempen "Jangan Membuat Kotor" ini. Saya tidak-lah ragu2 bahawa jiwa berkerjasama ini akan menimbulkan kepesatan kapada kejayaan kempen ini.

**"BANTU-LAH KAMI UNTOK MENJAGA KEBERSEHAN NEGERI KITA"**

## Memelihara kebersehan negeri tanggong-jawab bersama



YB Dato Dr Haji Johar

KEADAAN sekeliling yang berseh dan sehat ada-lah kehendak utama bagi kesihatan untok kemajuan mana2 negeri.

Negeri Brunei ada-lah beruntong kerana dapat mengelakan wabak2 dan penyakit yang berbahaya di-kalangan pendudok-nya meskipun terdapat bahaya dari negeri2 sekeliling. Namun begitu, kita tidak boleh berpuas hati terutama dengan kemajuan yang ada di-negeri ini sekarang.

Membuat kotor di-sapanjang jalanraya2, membuang sampah sarap dengan tidak tentu arah, tayar2 dan kereta2 yang tidak di-gunakan lagi ada-lah tidak dapat di-kawal lagi. Ini menyebabkan nyamok membiak dan gangguan lalat2 di-kawasan bandar kita bertambah. Tikus2 bertambah dengan chepat-nya dan baharu2 ini anjing2 liar ada-lah masaalah yang di-hadapi disamping perkara2 di-atas.

Memandang kapada bahaya2 berhubong dengan keadaan sekeliling yang tidak sehat, maka thema Minggu Kesihatan tahun ini — JANGAN JADI SA-ORANG PENGOTOR ada-lah sesuai.

Kempen sa-umpama ini ada-lah bertujuan untok menumpukan perhatian mengenai masaalah2 sekarang bagi memberi kesedaran kapada orang ramai.

Untok melengkapi perkhidmatan kesihatan bagi keadaan sekeliling yang berseh dengan berkesan, maka kerjasama yang penoh dan penyertaan masharakat mesti-lah ada. Dengan penoh keperchayaan, Jabatan Kesihatan merayu kapada orang ramai untok berkerjasama dan membantu dalam usaha-nya untok memelihara Negeri Brunei BERSEH DAN SEHAT.



Perbuatan membuang sampah chara begini sangat membahayakan kesihatan. Ia-nya bukan hanya membiakkan lalat bahkan merosakkan keadaan alam keliling.

## Harga barang2 keperluan

SAPERTI biasa di-bawah ini di-chatetkan beberapa jenis barang2 keperluan sa-hari2 yang di-dapati di-jual dengan harga yang lebeh sederhana rendah di-kedai2 Bandar Seri Begawan, Kuala Belait dan Seria. Ada-lah di-ingatkan kapada orang ramai bahawa harga barang2 yang berikut di-bawah ini bermula bagi minggu 4hb Oktober, 1979.

**BANDAR SERI BEGAWAN :**

1. ASAM GELUGOR — $4.00 sa-kati boleh di-beli dari kedai berikut :—
   Leong Huat,
   No. 57, Jalan Sultan.
2. KULAT KERING (Bertangkai) — $2.50 sa-tahil boleh di-beli dari kedai2 berikut:—
   a) Liong Yu Company,
   No. 58, Jalan Sultan.
   b) Chop Hock Huat,
   No. 62, Jalan McArthur.
3. KACHANG HIJAU — 80 sen sa-kati boleh di-beli dari kedai berikut : —
   Leong Huat,
   No. 57, Jalan Sultan.

**KUALA BELAIT :**

1. ASAM GELUGOR — $4.00 sa-kati boleh di-beli dari kedai2 berikut :—
   a) Chop Lian Ho,
   No. 24, Jalan Pretty.
   b) Koh Kit Hin,
   No. 28 Jalan Pretty.
2. KULAT KERING (Bertangkai) — $2.60 sa-tahil boleh di-beli dari kedai2 berikut :—
   a) Koh Kit Hin,
   No. 28 Jalan Pretty.
   b) Ng Ming Hong,
   No. 101, Jalan Mckerron.
3. KACHANG HIJAU — 90 sen sa-kati boleh di-beli dari kedai2 berikut :—
   a) Teo Hiang Hng,
   No. 45, Jalan Pretty.
   b) Ng Ming Hong,
   No. E Bangunan Dewan Perdagangan China.

**SERIA :**

1. ASAM GELUGOR — $4.50 sa-kati boleh di-beri kedai berikut:—
   Haji C. A. Mohammed,
   No. 51, Jalan Bunga Kuning.
2. KULAT KERING (Bertangkai) — $2.50 sa-tahil boleh di-beli dari kedai berikut :—
   Chop Yick Hoe,
   No. 7, Jalan Sultan Omar Ali.
3. KACHANG HIJAU — 90 sen sa-kati boleh di-beli dari kedai2 berikut :—
   a) Chop Thiam Heng,
   No. 42, Jalan Bunga Melor.
   b) Haji C. A. Mohammed,
   No. 51, Jalan Bunga Kuning.



# Tolong menolong rukun hidup masharakat

SA-BAGAI sa-buah negeri Islam, Negeri Brunei telah melazimkan diri melakukan sa-suatu yang di-pandang mulia dan terpuji oleh ugama, saperti menyambut hari2 kebesaran umat Islam sa-umpama Awal Muharram, Isra' Me'raj, Nuzul Al-Kor'an dan lain2 lagi. Demikian juga negeri ini telah mengambil langkah munasabah untok menolong memesatkan lagi ajaran Ugama Islam itu melalui sekolah2 dan juga sa-bagai usaha samping mengadakan majlis2 keugamaan, cheramah2 dan peraduan bersharah di-kalangan penuntut2 serta peraduan membacha kitab suchi Al-Kor'an. Hal ini semua ada-lah tradisi kita, dan Insha Allah ia-nya akan terus berlanjutan sa-bagai amalan kita orang2 Brunei.

Baharu2 ini, pada 3hb dan 4hb Sha'aban, 1399 bersamaan 28hb dan 29hb Jun 1979, telah di-adakan pertandingan Membacha Kitab Suchi Al-Kor'an Peringkat Negeri. Dan pada malam yang kedua-nya, kepala negara kita, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan telah berkenan berangkat melafadzkan titah dan sa-terus-nya menyampaikan hadiah2 kapada peserta2.

Bagi kita ra'ayat yang berugama Islam pada khusus-nya, sangat-lah beruntong dapat menyaksikan majlis yang berkebajikan itu, serta lebeh2 lagi dapat sama2 mendengarkan titah amanat Kebawah Duli Yang Dipertuan, yang antara lain Baginda menyeru ra'ayat dan pendudok, terutama pegawai2 Kerajaan Baginda supaya akan senantiasa memandang kehadapan dengan fikiran yang waras dan sedar akan tanggong-jawab masing2 terhadap Negeri Brunei.

Baginda Yang Dipertuan juga menegaskan, betapa keselamatan dan kebajikan di-negeri ini ada-lah suatu kewajipan yang mustahak, yang menjadi tanggong-jawab kita untok mengator serta memperkokohkan-nya dengan sa-daya upaya kita. Dan untok mengatur serta memperkukohkan-nya itu, menurut Baginda tidak-lah dapat di-jalankan dengan sempurna-nya melainkan kita berusaha bersunggoh-sunggoh dengan berpandukan kapada hukum2 Allah s.w.t.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia juga mensifatkan pertandingan membacha Al-Kor'an saperti yang di-adakan itu, sa-bagai suatu kerasmian hidup di-negeri ini, dan Baginda berharap ia-nya akan di-teruskan pada menunjokkan orang2 Islam di-negeri ini mempunyai chara hidup yang tersendiri bagi menghidupkan shi'ar Islam dengan mengadakan usaha2 kebajikan dan tolong-menolong.

"Tolong menolong atau kerjasama kebajikan ada-lah suatu rukun hidup dalam masharakat yang di-suroh oleh Ugama Islam, kerana itu-lah kemajuan atau kemundoran sa-suatu bangsa dari sejak dahulu lagi di-ukor dari semangat tolong-menolong serta kerjasama." Demikian-lah, di-petik dari akhbar Pelita Brunei keluaran Rabu 8hb Sha'aban, 1399, bersamaan 4hb Julai 1979.

Mengenai thema pertandingan: "Bernegara Dengan Petunjok Allah", Baginda telah mensifatkan-nya sa-bagai suatu peringatan, terutama kapada mereka yang di-pertanggong-jawabkan tugas2 pentadbiran dan kemajuan negara supaya senantiasa menjalankan tugas tersebut sesuai dengan hukum2 Allah. Tanpa berpandukan hukum2 Allah, sa-orang itu tidak akan dapat mengenal antara kebaikan dan kesalahan yang kemudian-nya memudahkan orang itu terdedah kapada berbagai-bagai kesulitan.

Demikian-lah wahai kaum Muslimin! mudah-mudahan dengan titah amanat yang berharga itu, kita semua akan dapat pedoman sa-laku orang2 Islam yang taat, yang sa-mata2 hidup untok mendapatkan keredhaan Allah di-dunia dan di-akhirat. Mari-lah kita sama2 berdoa, di-saat dan sukut baik ini, sempena hari keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan yang ka-33, mudah-mudahan Allah lanjutkan usia Baginda kekal karal memerintah dengan pertunjok dan hidayat Allah jua.

# KEPERCHAYAAN BERUGAMA

**Bingkisan minggu ini**

PADA umom-nya keperchayaan manusia terhadap ugama ada-lah melalui dua faktor yang mempengarohi jiwa, ia-itu keperchayaan yang ikut-ikutan dan keperchayaan dengan kesedaran yang di-lahirkan oleh hati yang benar2 ikhlas terhadap ujud-nya Tuhan Yang Maha Esa.

Keperchayaan yang ikut-ikutan telah di-dapati kesan-nya terlalu longgar kapada semangat berugama, sama ada dalam bentok melakukan ibadah atau menjauhi segala perkara yang di-larang oleh ugama. Ada pun keugamaan yang di-wujudkan oleh perasaan ikut-ikutan atau turut-turutan ini biasa-nya merupakan keugamaan yang bersifat warisan yang turun-temurun dari jenerasi tua kapada jenerasi muda. Mereka perchaya kapada wujud-nya Tuhan dan menjalankan ajaran2 ugama sebab mereka hidup dalam lingkongan masharakat yang berugama. Tetapi segala perbuatan mereka itu sa-kadar mengikut suasana lingkongan di-mana ia hidup dan berada, dan sa-olah2 mereka tidak mempunyai perhatian untok meningkatkan pengetahuan ugama dan tidak mahu aktif dalam sa-tiap bentok kegiatan ugama.

Chara berugama saperti ini merupakan chara lanjutan dari fahaman keugamaan sa-waktu tumboh dari zaman kanak-kanak dan sa-olah2 tidak terjadi perubahan apa2 pada fikiran mereka terhadap ugama. Jika di-selideki apa yang tersirat di-dalam hati dan fikiran mereka kita akan mendapati berbagai-bagai masaalah telah timbul tanpa di-sedari tetapi jawapan dan keterangan dari persoalan itu bukan-lah yang menjadi perhatian utama pada mereka. Hal ini akan tetap berterusan dari alam kanak-kanak ka-peringkat remaja dan saterus-nya ka-peringkat dewasa dengan tidak ada apa2 perubahan jika tidak ada yang mendorong mereka ka-arah kesedaran yang lebih mendalam lagi tentang perkara ugama.

Chara yang kedua pula ia-lah keperchayaan sa-telah kesedaran berugama tumboh dalam jiwa sa-seorang itu. Keperchayaan yang saperti ini juga biasanya melalui dua perjalanan, ia-itu: kesedaran yang datang sa-telah melalui proses berugama sa-chara ikut-ikutan dan yang kedua ia-lah kesedaran yang di-akibatkan oleh sa-suatu persoalan yang menimpa diri sa-seorang.

Kesedaran yang di-lahirkan oleh proses berugama sa-chara ikut-ikutan mempunyai hubongan dengan chara yang pertama di-atas, di-mana pada mula-nya memang sa-seorang itu berugama dan ia di-lahirkan dalam lingkongan masharakat yang berugama. Tetapi untok menjadikan ugama itu benar2 sabagai satu chara hidup yang praktik, terpaksa-lah kesedaran tersebut di-tanamkan di-awal2 lagi Sabagai mithalan, menchontohi ketaatan berugama di-kalangan keluarga dan masharakat-nya, kemudian memberikan pendidekkan sa-chara khusus sa-hingga kapada tingkatan yang tinggi dan persoalan ketuhanan yang luas dan rumit.

Kesedaran yang sa-demikian ini di-namakan sabagai tumboh melalui bimbingan dan pengaroh alam sekitar. Melalui proses yang sa-rupa ini-lah kita mengetahui banyak orang2 yang di-lahirkan sa-bagai ahli2 dan pemikir2 ugama yang terkenal diseluroh dunia. Dengan ini ternyata-lah bahawa kekeluargaan dan kemasharakatan itu berdaya untok merubah dan sa-terus-nya berjaya mendekatkan jiwa sa-seorang itu kapada persoalan ugama sa-chara lebeh sempurna dan mendalam. Dan di-sini-lah letak-nya unsor2 yang penting bagi melahirkan satu masharakat yang berugama sa-chara kesedaran dan takwa kapada Allah serta keimanan yang tidak akan bergonchang oleh apa2 pengaroh yang chuba menggoda.

Dalam hal ini, jika sakira-nya kekeluargaan dan kemasharakatan itu tidak mengambil berat tentang persoalan ugama, tegas-nya ibu-bapa, maka sa-seorang kanak-kanak itu tidak akan dapat menunjokkan ketaatan berugama. Keadaan ini akan berterusan sa-hingga kanak-kanak tersebut meningkat remaja dan dewasa. Ini berlaku kerana ia berdasarkan apa yang dilakukan oleh kedua orang tua-nya. Oleh sebab ini-lah wujud satu masharakat sabagaimana yang di-sebutkan tadi ia-itu berugama sa-chara ikut-ikutan sahaja dan tiada keimanan yang tegoh dan kokoh.

Satu lagi bentok keugamaan yang di-datangkan oleh kesedaran ia-lah apabila sa-seorang itu menyedari hakikat kejadian seluroh alam ini. Perasaan dengan sendiri-nya akan menjadi lemah dan kerdil berhadapan dengan kejadian alam yang luas ini, lantas mengarahkan pemikiran untok menchari suatu kuasa ghaib yang kekuatannya tidak perlu untok dipersoalkan lagi. Kesedaran yang sa-rupa ini-lah mendurong manusia2 besar saperti yang berlaku ka-atas Nabi Allah Ibrahim. Baginda memerhati kejadian alam ini berserta sekalian chekerawala dan makhlok lain-nya, di-mana dengan itu telah mempertegoh lagi keimanan-nya terhadap Allah dan ugama.

Kesedaran juga mungkin di-lahirkan oleh satu penderitaan jiwa saperti sa-seorang yang sakit tenat dan sa-umpama-nya. Meski pun kewangan chukop, ubat-ubatan senang di-dapati namun ia tidak juga semboh2. Maka di-ketika inilah sa-seorang yang tiada pernah kenal kapada Allah akan meraba-raba menchari serta mengharap kapada satu kuasa agong untok mengantongkan seluroh harapan.

## Waktu² sembahyang, imsak dan matahari terbit

**Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah Brunei-Muara, Tutong dan Temburong mulai dari hari Rabu 10hb Oktober, 1979 hingga ka-hari Selasa 16hb Oktober, 1979 ada-lah saperti di-bawah ini : —**

| *Hari Bulan* | *Dzuhor* | *Asar* | *Magrib* | *Isha* | *Imsak* | *Suboh* | *Matahari Terbit* |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 10hb Okt | 12.14 | 3.32 | 6.14 | 7.30 | 4.34 | 4.49 | 6.06 |
| 11hb Okt | 12.13 | 3.30 | 6.12 | 7.28 | 4.34 | 4.49 | 6.06 |
| 12hb Okt | 12.13 | 3.30 | 6.12 | 7.28 | 4.34 | 4.49 | 6.06 |
| 13hb Okt | 12.13 | 3.30 | 6.12 | 7.28 | 4.34 | 4.49 | 6.06 |
| 14hb Okt | 12.13 | 3.30 | 6.12 | 7.28 | 4.34 | 4.49 | 6.06 |
| 15hb Okt | 12.13 | 3.30 | 6.12 | 7.28 | 4.34 | 4.49 | 6.06 |
| 16hb Okt | 12.12 | 3.30 | 6.11 | 7.26 | 4.33 | 4.48 | 6.05 |

**Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.**

**Sembahyang Juma'at di-seluroh Negeri Brunei di-mulai pada pukol 12.45 tengah hari.**

# Sa-keluarga Iban Memelok Ugama Islam



LEBEH ramai lagi puak Iban memelok ugama Islam di-sini dalam mana pada hari Isnin 24hb September lepas sa-orang janda berserta lima orang anak-nya telah memelok ugama Islam dalam satu majlis pengIslaman yang berlangsong di-Masjid Kampong Selangan, mana-kala majlis meraikan mereka telah di-adakan di-rumah ketua kampong tersebut.

Mereka kini masing2 di-kenali sa-bagai Aminah bte Abdullah, Sulaiman bin Abdullah, Ahmad Ramlee bin Abdullah, Rokiah bte Abdullah, Ismail bin Abdullah dan Zainab bte Abdullah. Mereka melafadzkan ikrar Islam masing2 di-hadapan Yang Dimuliakan Pehin Datu Pekerma Dewa Haji Abd Rahim bin Akim. (Lihat gambar — ehsan JHEU)



# KAKITANGAN DI-JABATAN SUK MENGADAKAN TAHLIL DI-ISTANA DARUL HANA

BANDAR SERI BEGAWAN. — Yang Berhormat Setia Usaha Kerajaan, Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz, telah mengetuai kakitangan2 di-Jabatan Setia Usaha Kerajaan, mengadakan Majlis Membacha Tahlil di-Istana Darul Hana, malam Selasa lepas. Lebeh tiga ratus orang telah hadhir di-majlis tersebut, termasok Pengiran2 Cheteria, Pehin2 dan ketua2 pejabat.

Ini merupakan Majlis Membacha Tahlil malam yang ka-20 di-adakan di-Istana Darul Hana, sejak kemangkatan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Suri Seri Begawan Raja Pengiran Anak Damit ibnata Seri Paduka Pengiran Bendahara Pengiran Anak Abdul Rahman, pada 20hb Shawal, 1399 bersamaan 13hb September, 1979.

Majlis Tahlil di-Istana Darul Hana sa-lama 40 hari dan pada tiap2 malam tidak kurang dari 300 orang telah berkunjong ka-Istana Darul Hana dari Kuala Belait, Tutong, Temburong dan Daerah Brunei Muara, kerana menyertai Majlis Membacha Tahlil, sa-lepas menunaikan Sembahyang Fardhu Maghrib.

Sa-lain dari mengadakan Majlis Membacha Tahlil di-Istana Darul Hana, majlis serupa juga di-adakan di-masjid dan surau2 di-seluroh negeri selepas menunaikan Sembahyang Fardhu Maghrib, sa-lama 40 hari.

Pejabat2 Kerajaan dan sekolah2 juga mengadakan Majlis Membacha Tahlil, kerana kemangkatan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Suri Seri Begawan Raja.

Peniaga2 Kechil yang berjual kain dan keset di-Tamu Bandar Seri Begawan, telah mengadakan Majlis Tahlil di-Restoran Darussalam minggu lalu.

GAMBAR atas kelihatan dari kiri: Yang Amat Mulia Pengiran Pekerma Setia Diraja Sahibul Bandar Pengiran Haji Ali bin Pengiran Haji Mohd Daud, Yang Berhormat Setia Usaha Kerajaan, Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz dan Mufti Kerajaan Brunei, Yang Dimuliakan Pehin Datu Seri Maharaja Dato Seri Utama Awang Haji Ismail bin Omar Abdul Aziz. Sementara gambar bawah hadhirin yang menyertai Majlis Membacha Tahlil di-Istana Darul Hana pada malam tersebut.

# PERKABONGAN MASOK KA-28 HARI ATAS KEMANGKATAN DYTM PADUKA SURI SERI BEGAWAN RAJA PENGIRAN ANAK DAMIT



## Membacha Yasin dan Tahlil di-Masjid Serusop

**GAMBAR bawah kelihatan para jemaah di-Masjid Serusop, Jalan Muara, sedang membacha Yasin dan Bertahlil, sejurus sa-lepas menunaikan Sembahyang Berjemaah Fardhu Maghrib. Majlis Tahlil di-adakan sa-lama 40 hari di-masjid2 dan surau2 di-seluroh negeri bagi memperingati kemangkatan Almarhumah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Suri Seri Begawan Raja Pengiran Anak Damit. Semoga Allah menchuchuri rahmat-Nya ka-atas roh Almarhumah. — Amin.**



# PERKABONGAN MASEH LAGI DI-TERUSKAN

BANDAR SERI BEGAWAN. — Perkabongan atas kemangkatan Almarhumah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Suri Seri Begawan Raja Pengiran Anak Damit ibnata Seri Paduka Pengiran Bendahara Pengiran Anak Abdul Rahman, maseh di-teruskan, ia-itu masok hari ka-28 hari ini. Perkabongan bagi seluroh raayat sa-lama 30 hari sementara bagi keluarga Diraja sa-lama 40 hari.

Dalam tempoh perkabongan sejak 20hb Shawal, 1399 bersamaan 13hb September, 1979 yang lalu; kelihatan anak2 sekolah, pemuda pemudi dan juga orang2 dewasa tegas-nya raayat dan pendudok di-negeri ini masing2 ada yang bersongkok berlilit puteh atau tawaha berlilit puteh di-sebelah lengan kanan dan bertudong hitam bagi kaum wanita.

Di-pejabat2 Kerajaan, di-pasar, di-tempat2 membeli belah atau di-jalan2 di-seluroh pelusok tanah ayer kelihatan maseh berkabong menandakan penghormatan atas kemangkatan Almarhumah.

Demikian juga bendera di-jabatan2 Kerajaan, firma2, bendera peribadi juga bendera di-kedai2 (saperti kelihatan dalam gambar bawah) di-naikkan sa-tengah tiang, menandakan hari perkabongan maseh di-teruskan sa-lama 30 hari.

Kerana menghormati atas kemangkatan Almarhumah, dalam masa perkabongan ini beberapa achara dan perayaan atau pertunjokan2 telah di-tanggohkan sa-hingga satu masa yang akan di-tetapkan atau ia-nya mungkin di-jalankan sa-lepas hari perkabongan.

Sa-hingga Pelita Brunei di-chetak hari ini, Majlis Genap 40 hari dan 100 hari belum lagi di-umomkan. Bagaimana pun ia-nya akan di-umomkan kemudian.



### MENZIARAHI MAKAM ALMARHUMAH

Pelita Brunei di-fahamkan sejak kemangkatan Almarhumah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Suri Seri Begawan Raja Pengiran Anak Damit, penuntut2 sekolah tidak putus2 menziarahi makam Almarhumah sambil membacha Yasin dan Bertahlil di-situ.

Majlis Membacha Tahlil di-kampong2 di-seluroh negeri juga telah di-adakan di-samping pejabat2 Kerajaan, masjid2 dan di-surau2, sa-masa dalam perkabongan ini.



THE first Bruneian to have graduated with a Bachelors Degree in Pharmacy will air her views on the subject and her experience while undergoing the course. She is DAYANG SITI HAJAR BTE PEHIN ORANG KAYA SERI SETIA HAJI MD YUSOF who is now working in the General Hospital Bandar Seri Begawan as the Senior Pharmaceutical Chemist.

Tune in to the programme at 12.45 pm tomorrow and it will be repeated on Sunday 14th October at 8.00 pm.



## Siswazah Brunei

DK Mariam bte Pg Metersad, Timbalan Pengetua Maktab Perguruan Sultan Hassanal Bolkiah, Gadong akan mengisikan ruangan siswazah minggu ini.

Temuramah kami dengan beliau akan di-siarkan pada 12hb Oktober, 1979 jam 8.30 malam, dan siaran ulangan-nya akan ka-udara hari Sabtu jam 1.00 tengah-hari.

intisari RTB minggu ini



AWANG Ali Haji A kiri) sedang memberi selari di-Lapangan T tarabangsa Brunei Oktober yang lalu m berangkatan romb tama Jemaah Haji Mekah. Pada hari gian Melayu Radio lah menyiarkan sa- song ulasan2 terseb

Dan pada hari malam, 9hb Oktober, rupa dalam penerb kedua, juga di-siark langsong dari lapang Antara Bangsa Bera

## Siri baru drama undang2 "PETROCELLI" mulai hari Isnin

MULAI dari hari Isnin hadapan jam 7.32 malam, awda akan dapat menyaksikan persembahan pertama kami dari siri "Petrocelli". Tony Petrocelli, pendudok asal New York, bekas penuntut Harvard Law School, menetap di-San Reno di-Southwest bersama isteri-nya, Patsy. Ia meninggalkan New York untok membuka pejabat-nya sendiri dan untok chuba menjalani hidup yang lebeh disukai-nya. Turut membintangi siri ini ia-lah Susan Howard sa-bagai isteri-nya yang chantek dan pembantu-nya Albert Salmi sa-bagai Pete Ritter, penyiasatnya.

Dalam kesah "Four In the Way" tiga orang Western yang tua menghimpun wang mereka dan menawarkan kapada Petrocelli sabanyak dua puloh lima dollar untok membela teman mereka yang melarikan diri ka-bukit bukau satelah di-shaki membunoh suami anak tiri-nya. Chabaran pertama yang di-hadapi Petrocelli ia-lah untok memujok orang yang di-shaki itu supaya keluar dari persembunyian-nya dan menyerah diri. Sa-telah itu baru-lah ia dapat membuat penyiasatan yang di-harapkan-nya akan dapat menunjokkan bahawa pelanggannya ini tidak bersalah dalam kes yang membingongkan ini.



BARRY Newman dan Susan Howard memegang peranan sa-bagai suami isteri dalam siri Petrocelli.

## "Count Dracula" malam ini

KESAH ini berlaku dalam tahun 1890, Jonathan Harker, peguam muda yang chekap, menuju ka-Transylvania untok menghantar surat perjanjian sa-buah rumah London kapada pemilek-nya yang baru, Count Dracula. Ia meninggalkan tunang yang di-chintai-nya, Mina dengan berjanji untok menulis surat kapada-nya sa-tiap hari. Tatkala ia hampir2 tiba di-Castle Dracula, kelakuan pendudok2 yang mengetahui destinasinya ini semakin ganjil. Petani2 memakai salib, wanita2 memujok-nya supaya tidak meneruskan perjalanan-nya dan dengan menghairankan sekali salah saorang daripada mereka mengkalongkan salib di-leher-nya. "Dracula" nampak-nya merupakan nama yang menggerunkan seluroh perkampongan ini.



Gambar menunjokkan Louis Jordan sa-bagai Count Dracula.

## Flambards — "The Cold Light of Day"

WALAUPUN ternyata mempunyai bakat dalam bidang teknikal dan kreatif, bagi William untok mendapatkan kerja ada-lah amat sukar. Sunggoh pun ia mempunyai kelayakan2 yang baik, temuduga William yang pertama serta rengkas sunggoh2 mengechewakan. Lantekan kedua-nya mempunyai harapan yang baik. . . . "Bila-kah saya mula bekerja?" ia bertanya. "Sebaik2 saja kau dapat menyiapkan salah sa-buah kapalterbang mu dan buktikan bahawa ia dapat di-gunakan," satu jawapan yang bersahaja. Dalam keadaan yang papa, William di-bawa tidor di-sebuah bangsal rumput2 kering di-Elm Park dan menghabiskan waktu-nya di-ruang membuat kapalterbang.

Dan di-sini-lah ia bertemu dengan Sandy, salah saorang jurulateh sekolah penerbangan, sa-orang lelaki muda yang merupakan orang terpenting dalam membentok masa depan William.



Gambar : Edward Judd mengambil bahagian sabagai Uncle Russell.

# PENERBANGAN JEMAAH HAJI PERTAMA KA-MEKAH







UNTOK mengelakkan sa-barang kelambatan dan kekechohan dan demi melancharkan sa-barang urusan penerbangan haji di-Lapangan Terbang Antarabangsa tahun ini, Jabatan Hal Ehwal Ugama telah mengator begitu rupa gerakerja urusan yang berkaitan dalam mana para jemaah di-kehendaki menghantar barang2 mereka yang akan di-bawa sa-panjang menunaikan ibadah haji di-tanah suchi sa-hari lebeh awal sa-belum penerbangan yang di-jadualkan. Kelihatan dalam gambar atas kiri, kanan dan sa-belah kiri kerja2 menyerahkan barang2 tersebut di-buat di-bahagian kawalan barang dan pemereksaan lapangan terbang sa-belum ia-nya di-masokkan ka-dalam pesawat kapal terbang.

GAMBAR bawah kiri para jemaah dalam rombongan pertama dudok berehat sambil menunggu urusan menyerahkan paspot dan menentukan tempat dudok (gambar kanan) selesai di-buat sa-belum penerbangan. Mereka ada-lah di-antara 400 orang jemaah yang bertolak pada pagi Selasa, 2hb Oktober lepas dengan menaiki pesawat Boeing 747B Penerbangan Singapura yang merupakan pesawat yang terbesar mengangkut jemaah haji negeri ini sejak penerbangan DC10 di-perkenalkan pada tahun 1973 dengan lebeh 600 jemaah.





# SE
# YANG PERGI JA



BERDIRI di-tembok tangga yang terdapat di-bangunan Lapangan Terbang Antarabangsa, sanak saudara dan sahabat handai para jemaah ini (gambar atas) terpaksa bersesak-sesak untok melihat para jemaah yang mula memasoki ruang perpisahan yang di-susoli pula pemereksaan paspot dan pemereksaan keselamatan (gambar bawah tengah) sa-belum turun menaiki kapal terbang.



MENADAH tangan memohon do'a
para jemaah yang berpergian ka-ta
terlaksana niat suchi mereka menuna
ngiringi penerbangan para jemaah.



INI-LAH sa-bahagian dari ribuan sanak saudara dan sahabat handai para jemaah yang bersesak-sesak menghampiri pagar kawalan pehak pulis (atas), kesesakan sa-umpama ini memang tidak dapat di-elakkan ketika mana sa-tiap musim haji menjelang, demikian-lah pula bagi para jemaah ini yang termasok kanak2 (gambar bawah) tentu berbagai bentok perasaan sedang berkechemok di-sanubari ketika memasoki saat2 penerbangan menuju tanah suchi.





LAGI kerja2 pemereksaan dan kawala
bagi menjamin agar penerbangan mer
nunaikan ibadah.





PARA jemaah ini beriring-iring menuj
nya kawalan2 keselamatan yang di-lak
bangan mereka ka-tanah suchi.

# ELAMAT BELAYAR KAPADA JEMAAH2 HAJI NGAN DI-TANGISI — YANG TINGGAL JANGAN MERINDUI



e restu ka-hadhrat Allah s.w.t. semoga
n suchi mendapat perlindongan dan
an ibadah haji tidak ketinggalan me-



DAN mereka ini (gambar atas) ada-lah di-antara sanak saudara dan sahabat handai para jemaah yang tidak mahu ketinggalan menyaksikan para jemaah yang telah membuat penerbangan pertama ka-tanah suchi Selasa minggu lalu.



keselamatan para jemaah di-lakukan
akan terselamat dan sempurna me-





BERSALAMAN bagi menguchapkan selamat belayar dan selamat tinggal sa-belum berangkat sentiasa melegakan perasaan rawan para jemaah untok meninggalkan tanah ayer, gambar atas, kiri dan kanan serta bawah kelihatan para jemaah bersalaman dengan YB. Pehin Orang Kaya Ratna Diraja dan lain2 pegawai kerajaan.



ar dari bilek pemereksaan sa-belum menaiki kapal terbang, tentu-
ka-atas sa-tiap para jemaah ini akan menjamin keselesaan pener-









YB Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz, Setia Usaha Kerajaan (berbaju cherah gamgar atas kiri) kelihatan riang ketika berziarahan dengan salah sa-orang jemaah perempuan di-dalam kapal terbang Boeing 747B SIA. Yang Berhormat bersama Datin telah berkesempatan menguchapkan selamat belayar kapada para jemaah tersebut sa-jurus beberapa minit sa-belum mereka meninggalkan negeri ini. Gambar atas kanan, para jemaah ini dengan langkah yang tenang meninggalkan bangunan lapangan terbang menunju dan menaiki kapal terbang. Gambar sebelah kiri para jemaah di-layan oleh anak kapal untok menchari tempat dudok yang di-tetapkan. Gambar kanan para jemaah ketika menaiki tangga kapal terbang dan kanan bawah lambaian selamat tinggal dari salah sa-orang jemaah sa-bagai tanda perpisahan kapada yang menghantar.



**KEGIRANGAN** tentu sudah terbayang dalam hati sa-tiap jemaah ini (gambar sebelah kanan) betapa langkah masok kaki mereka ka-dalam perut kapal terbang di-susoli dengan do'a semoga dengan izin Allah niat suchi mereka untok menyempurnakan ibadah haji akan di-perkenankan. Dan gambar bawah kiri dan kanan dudok dengan tenang di-tempat dudok dalam kapal terbang, para jemaah ini jelas membayangkan di-wajah masing2 betapa pemergian mereka yang 40 minit lebeh awal dari yang di-jadualkan merupakan suatu perjuangan jihad menegakkan shi'ar ugama dan mengagongkan kebesaran Allah s.w.t. dalam ibadah haji rukun Islam yang kelima dan mereka adalah sa-bahagian dari kita umat yang beruntong dapat berhadapan dengan Kaabah — Rumah Allah.









# ....Semoga memperolehi ibadah haji yang mabror



**PERUBATAN** SATU ranchangan baru mengandongi 13 siri, yang di-usahakan bersama dengan pehak Rumah Sakit Umom, Bandar Seri Begawan.

Ranchangan yang di-muatkan dengan berbagai2 penerangan mengenai penyakit2 yang sering kita hadapi. Dalam siri I ini kita akan bersama doktor Haji Hussin bin Haji Daud sa-orang Pegawai Perubatan Kanan di-Rumah Sakit Umom, Bandar Seri Begawan (gambar atas).

Beliau akan membicharakan mengenai dengan DARAH. Apa-kah kegunaan darah pada manusia, mengapa kita mesti menderma darah, ada-kah menderma darah ini merbahaya, untok mengetahui-nya, ikuti-lah ranchangan ini pada 15hb Oktober, 1979 jam 7.10 malam.

# RANCHANGAN TVP MINGGU INI

RANCHANGAN kedua puloh, siri2 "Let's Speak English" dan Sains Dan Hidupan Di-Brunei" ada-lah merupakan ranchangan terakhir bagi tahun ini. Murid2 akan dapat mengikuti kembali ranchangan2 siri ini pada awal tahun hadapan. Siri "Let's Speak English" ranchangan kedua puloh minggu ini akan mengajar murid2 mengenai dengan penggunaan perkataan "Every". Ranchangan ini juga tidak ketinggalan memuatkan perbualan2 di-antara Che'gu Jinab, Siti dan Mariam. Dalam perbualan2 mereka itu perkataan "Every" banyak di-gunakan. Di-samping murid2 di-hiborkan dengan sa-buah lagu, yang bernama "Humpty Dumpty", murid2 juga akan di-berikan sa-buah teka-teki saperti berikut.

I am not a log,
I am not a fish.
I don't have any wing or fins.
But I can go under water,
What am I?




Petunjok arah angin.




Jangkasuhu.

Siri "Sains Dan Hidupan Di-Brunei" ranchangan kedua puloh bertajok "Chuacha 2". Ranchangan ini ada-lah bahagian kedua dari siri ranchangan "Chuacha". Dalam pelajaran ini murid2 akan belajar mengenai :—

a) Charta chuacha
b) Perkara2 yang perlu di-chatet di-dalam charta chuacha
c) Membacha charta chuacha

Untok mengetahui lebeh lanjut mengenai dengan pelajaran ini, sila-lah ikuti siaran ranchangan ini sa-terus-nya.

Kedua2 ranchangan ini akan dapat di-ikuti pada hari Isnin 15hb Oktober, 1979. Siri "Let's Speak English" akan dapat di-ikuti pada pukol 8.50 dan siri "Sains Dan Hidupan Di-Brunei" pada pukol 9.20 pagi.

Siaran ulangan kedua2 ranchangan ini akan dapat di-ikuti pada hari2 Selasa, Rabu dan Khamis bersama-an dengan 16hb, 17hb dan 18hb Oktober, 1979 pada waktu yang sama.

# "Berakhir Penantian Ku" tajok Muzika Drama minggu ini

SIRI ranchangan sukaramai Muzika Drama akan kembali menemui peminat-nya pada hari Ahad 14hb Oktober, 1979 ini jam 8.45 malam.

Cherita minggu ini bertajok Berakhir Penantianku hasil karya Milabdullah, Brunei yang mengesahkan kesetiaan sa-orang pemuda Rusman (Abdul Rahman Haji Tuah) dalam menempoh berbagai2 godaan. Liza (Noorasikin Haji Hussin) chuba untok memikat Rusman, tetapi alang-kah hampa-nya, dia hanya bertepok tangan sebelah saja.

Tiba sa'at yang tidak di-sangka2 Lena (Dk. Rokiah Pg. Bakar) tunangan Rusman yang menuntut di-seberang laut, kembali berchuti di-tanah ayer untok berehat dan menemui ibu-nya (Kalsom Limat). Lena telah jatoh sakit dengan tiba2. Mengikut apa yang di-cheritakan oleh ibu-nya kapada Rusman, Lena mengidap sa-jenis penyakit sejak ia maseh kechil lagi, dan ketika berada di-luar negeri ia-nya telah dua kali di-rawat.

Ibu-nya telah berusaha dengan seberapa daya, tetapi apa boleh buat, tiada siapa yang boleh mengatasi takdir. Akhir-nya Lena pergi untok sa-lama2-nya, pergi yang tidak mungkin kembali lagi.

Jangan lupa untok menyaksikan kesah yang menyedihkan ini pada hari Ahad 14hb Oktober, 1979 jam 8.45 malam.





SALAH satu adegan dalam Muzika Drama "Berakhir Penantianku".

# *The High Chaparral — "Bad Day For A Thrist"*

SOURDOUGH and Saddle-blanket segera menjadi pembantu2 yang penting. Tatkala perang Apache tiga pekerja2 ladang terbunoh dan mencholek dua orang penyerang Indian, semua-nya melainkan Buck perchaya dua orang Apache itu ada-lah pembunoh dan kembali pada chara penghidupan mereka yang lama. Kumpolan High Chaparral chuba mengesan kumpolan berperang di-sebuah benteng Tentera yang telah di-tawan oleh orang2 Indian dan di-mana Buck mendapat chedera parah dan sukar untok di-bantu oleh teman2 sa-perjuangan-nya. Tatkala ia hampir2 mati kehausan, satu2-nya peluang untok hidup bagi Buck ia-lah dengan membuat satu rayuan kapada penyerang2 Indian di-dalam benteng itu untok berbuat baik dengan teman2 Apache mereka.

# YANG DIMULIAKAN PEHIN DATU SERI MAHARAJA MENULIS ........



YDM Pehin Datu Seri Maharaja Dato Seri Utama Awg Hj Ismail Omar Abd Aziz

# BID'AH TIADA BERSONGKOK

ADA-lah tanda yang membedzakan di-antara orang Islam daripada orang lain pada awal2 Islam ia-lah serban di-atas songkok. Ini di-ketahui dari hadith yang di-riwayatkan oleh Al-Imam Abu Daud yang berbunyi: "... daripada Abi Ja'afar bin Muhammad bin Ali bin Rukanah daripada bapa-nya bahawa Rukanah telah berlawan gusti dan membanting dengan Rasulullah s.a.w. Maka Nabi s.a.w. telah mengalahkan Rukanah dan menumbangkan-nya. Kata Rukanah: saya telah mendengar Nabi s.a.w. bersabda:

فَرْقُ مَا بَيْنَنَا وَبَيْنَ الْمُشْرِكِينَ الْعَمَائِمُ عَلَى الْقَلَانِسِ

Erti-nya: *"Bedza di-antara kita orang Islam dengan orang2 mushrikin ia-lah serban2 di-atas songkok2."*

Maka begitu-lah berlaku perbedzaan dan perasingan itu sa-hingga zaman Khalifah Al-faruq 'Umar r.a. Manakala negeri Islam telah membesar maka mula-lah ahli zimmah atau orang2 zimmi daripada berbagai-bagai bangsa chuba berupa dengan rupa orang2 Islam supaya gerak-geri mereka jauh daripada perhatian orang Islam, dan supaya orang2 yang di-shaki di-antara mereka tiada dapat di-intip.

## AKAD PERJANJIAN

Manakala Khalifah 'Umar r.a. melihat akan kerosakan yang berbangkit dari kelakuan mereka maka Sayidina 'Umar telah membuat sharat dengan mereka yang hendak bernaung di-bawah kerajaan Islam (menjadi ahli zimmah) dengan ber'akad perjanjian dengan mengenakan beberapa sharat. Sa-tengah daripada sharat itu ia-lah memakai tali kain di-tengah2 pinggang di-luar pakaian mereka yang di-namakan zunnar. Ini kerana membasmikan kerosakan yang berbangkit dari tiada sa-suatu perbedzaan di-antara dua pehak dan sa-hingga orang2 zimmi menerima pakaian tanda2 yang membedzakan mereka daripada orang Islam. Maka berjalan-lah perbedzaan itu dari masa itu dengan keadaan begitu sa-panjang kurun Islam dengan ijma' ulama fekah dari segala mazhab. Dan di-buat begitu hanya mengikut sharat2 yang telah di-setujui oleh orang2 zimmi bahawa mereka akan berbuat begitu ketika mereka mengikut perjanjian. Hal ini nyata di-sebutkan dalam kitab *Al-Ahkamussultaniah* dan kitab2 fekah dari berbagai-bagai mazhab fekah pada 'am-nya dan kitab *Takharij* khusus-nya.

## KEMULIAAN

Ada-lah orang2 Islam zaman kemuliaan dahulu penoh dengan kemuliaan dan besar diri tiada mahu tundok dan berupa rendah. Mereka lebeh suka di-champakkan dari atas gunong daripada di-lihat memakai shi'ar dan tanda lain dari tanda2 umat Islam dan daripada di-sangka bahawa mereka bukan orang Islam. Firman Allah. — Surah Al-Ma'edah: 51:

وَمَنْ يَتَوَلَّهُمْ مِنْكُمْ فَهُوَ مِنْهُمْ

*Erti-nya: "Barangsiapa daripada kamu mengangkat mereka (orang2 kafir) menjadi kawan maka ia dari golongan mereka."*

Sabda Rasulullah s.a.w.

مَنْ تَشَبَّهَ بِقَوْمٍ فَهُوَ مِنْهُمْ

*Erti-nya: "Barangsiapa menyerupai dengan sa-suatu kaum maka ada-lah ia dari golongan mereka."*

Perbuatan dan amalan yang sa-kata yang di-warithi oleh umat Islam dengan berpegang dengan ayat serta hadith di-atas ada-lah menjadi suatu amaran kapada orang2 yang hendak menyerupai dengan keadaan saperti itu.

## ROSAK AKIDAH

Kemudian zaman berubah, dan orang2 Islam menjadi lemah dengan perbuatan kaki2 yang sukakan kehinaan dan suka meleburkan kemuliaan. Maka hilang-lah rupa kemuliaan orang Islam dan mereka berupa dengan rupa bukan Islam dan memakai tanda2 khas bagi orang kafir itu. Barangsiapa melihat mereka terlintas di-hati-nya bahawa mereka orang asing, bukan orang Islam.

Ulama fekah sa-panjang kurun Islam berpendapat bahawa orang yang redha mendzahirkan diri-nya dengan sa-rupa itu maka orang itu telah rosak 'akidah keperchayaan-nya, bahawa ia telah rosak 'akidah-nya dan bukan kerana sa-lepas ia menyerupai itu tetapi sebelum-nya lagi apabila sahaja ia telah redha mendzahirkan diri-nya begitu (Dipetek daripada *maqalat al-Kauthari).*

Orang Islam yang mula2 menukar rupa ia-lah *Kamal Ataturk* yang mulhid dan kunchu2-nya pada tahun 1924. Kemudian di-ikuti oleh *Jamal Abdun Naser* yang bid'ah pada kira2 tahun 1953. Kemudian di-ikuti oleh sa-tengah2 umat Arab yang maseh berbelenggu penjajahan.

## TETAP TEGOH

Pada masa saya di-Kaherah tahun 1968 saya bersembahyang Jumaat di-masjid yang biasa saya sembahyang sa-waktu maseh menuntut di-sana. Saya lihat ahli Jumaat bila hendak sembahyang sunnat tahiyatul masjid masing2 mengeluarkan songkok bulu atau songkok puteh atau kupiah, dan sa-tengah2-nya melilitkan kepala-nya dengan sapu tangan. Saya melihat dan berfikir dalam hati bahawa umat Islam dari awal2 Islam sa-hingga zaman Jamal Abdun Naser maseh menutop kepala, di-negeri2 Arab dan negeri2 Islam. Mereka tidak mahu sembahyang dalam masjid dan surau2 sa-bagaimana Kristian sembahyang dalam gereja dengan bergondol. Pada pandangan mereka perbuatan itu perbuatan luar adab dan luar kesopanan Islam.

Sa-kali lagi saya datang ka-Kaherah pada tahun 1974, maka saya sembahyang Jumaat di-sa-buah masjid besar. Saya lihat ahli Jumaat dari berbagai-bagai gulongan maseh berkupiah tiada mahu bergondol mengikut macham orang Kristian, Hindu dan Majusi, walau pun halangan2 telah di-buat ka-atas umat Islam di-mana2 tempat dan rantau dunia ini.

Wallahu a'alam.

## MINGGU DEPAN

*KALAU pada keluaran kali pertama ini YDM Pehin Datu Seri Maharaja Dato Seri Utama Awang Hj Ismail bin Omar Abdul Aziz menulis berhubong dengan perkara bid'ah tiada bersongkok dan Aurat dan Pakaian, maka apa pula perkara sa-terus-nya dalam tulisan Yang Dimuliakan itu pada keluaran akan datang.*

*Jangan lupa, ikuti-lah tulisan Yang Dimuliakan itu minggu depan.*

# AURAT DAN PAKAIAN

AURAT dan pakaian suatu perkara hari2 berlaku, tiada terlindong dari perbuatan orang2 Islam tua muda dan lelaki perempuan. Orang2 lelaki hendak sembahyang dia menutop aurat-nya supaya sah dan betul sembahyang-nya. Dan orang perempuan juga menutop aurat-nya dengan memakai telekong atau jilbab dalam bahasa Arab-nya.

Ulama sebutkan aurat lelaki dan aurat perempuan dalam bab sembahyang itu kerana hendak menentukan sah tidak-nya sembahyang mereka. Bukan bererti dalam sembahyang sahaja wajib di-tutop aurat lelaki dan perempuan sedang di-luar sembahyang di-hadapan lelaki yang helat (asing) tiada wajib dan tiada mesti di-tutop.

Apa erti aurat? Dalam bahasa Arab erti-nya 'aib' atau suatu yang memalukan ia-itu sa-bagaimana di-sebutkan dalam kitab An-Nihayah. Jadi dengan perasaan yang halus dan dengan akal yang waras tiap2 sa-orang dengan otomatik mesti dan memaksa diri-nya menutop aurat-nya sama ada dengan daun, dengan tikar, dengan bulu, dengan kapas yang di-tenun dan sa-bagai-nya. Tetapi erti aurat dalam Islam tiada-lah akal manusia dapat menchapai-nya melainkan sa-telah Allah memberi tahu dengan jalan Rasulullah s.a.w. melalui Al-Kor'an dan sabda serta perbuatan dan ikrar (persetujuan) Rasulullah.

Oleh kerana perkara aurat ini perkara hari2, jadi sahabat2 yang menerima hukum dan ajaran daripada Rasulullah s.a.w. telah sakata dan sa-pakat dan tiada ada khilaf di-kalangan mereka pada menentukan hakikat aurat itu sa-bagaimana *Al-Allamah Ibnu Hazam Az-Zahiri* (penganjor puak Az-Zahiriyah) berkata dalam kitab Maratibul Ijam', ia-itu kitab yang wajib di-bacha oleh ahli2 pengetahuan Islam. Terjemahan kata-nya:

1. "Sahabat2 Rasulullah telah sa-kata dan ittifaq bahawa menutop aurat dalam sembahyang itu bagi orang yang berkuasa dapat memakai baju yang harus (mubah) ia memakai-nya ada-lah bagi-nya menjadi satu fardhu dan wajib memakai-nya."

Ini ia-lah bagi hukum wajib menutop aurat dalam fah Al-farug r.a. Manakala sembahyang.

2. "Sahabat2 telah sa-kata dan telah ittifaq bahawa barangsiapa memakai sa-helai baju yang suchi yang harus (mubah) di-pakai-nya, dan baju itu tebal (tiada nampak warna aurat), pada hal baju itu sa-helai jua, yang menutop pusat-nya dan lutut-nya dan menutop anggota2 antara kedua-nya, dan ia letakkan hujong baju di-atas bahu-nya maka bahawa sembahyang-nya dengan-nya di-dalam sa-helai baju itu sempurna-lah". Erti-nya sa-helai kain memadai-lah sembahyang-nya dengan ada sharat yang di-sebutkan-nya. Maka pusat dan lutut kedua-nya itu ada-lah aurat.
3. "Sahabat2 telah sa-kata dan telah ittifaq bahawa faraj dan dubur itu kedua-nya aurat."
4. "Sahabat2 telah sa-kata dan telah ittifaq bahawa rambut perempuan yang merdaheka dan badan-nya, melainkan muka-nya dan dua tapak tangan-nya, itu ada-lah aurat." Kata2 ini menentukan aurat perempuan sama ada dalam sembahyang atau di-luar sembahyang.
5. "Sahabat2 telah sa-kata dan telah ittifaq bahawa wajib di-turunkan pandangan dari memandang perempuan mahram dan isteri dan hamba sahaya perempuan, melainkan jika ia hendak kahwin dengan perempuan itu maka halal bagi-nya melihat perempuan itu."

Kata2 ini menunjokkan bahawa perempuan itu semua anggota-nya aurat sahingga rambut kepala-nya dan kepala-nya pun aurat.

Begitu-lah tafsiran sahabat2 Rasulullah s.a.w. dalam perkara aurat perempuan dan melihat perempuan. Kita perturunkan sabahagian daripada-nya. Sakata atau ittifaq sahabat itu di-namakan ijma', dan di-sini ia ada-lah *ijma' yaqini*.

Ijma' ada-lah satu dalil daripada hukum2 Islam salepas Al-Kor'an dan Hadith. Barangsiapa ingkarkan ijma' yaqini sa-telah di-beritahu kapada-nya bahawa itu ijma yaqini maka ada-lah ia kufor dan keluar dari Ugama Islam. Tiada ia menjadi Islam melainkan ia menguchap dua kalimah shahadah dan membuang iktikad yang salah dari diri-nya (ingkarkan ijma' yaqini itu), kerana ingkarkan ijma' yaqini bererti ingkarkan sa-suatu yang telah thabit dengan ilmu dharuri daripada Rasulullah s.a.w. sama ada sa-suatu itu dari Al-Kor'an atau dari Hadith. Dan aurat itu ada-lah thabit dengan Al-Kor'an dan dengan Hadith dan dengan ijma' sahabat.

Wallahu a'alam.

# BRUNEI DI-PERLUMBAAN BASIKAL DI-KUALA LUMPUR



PARA pelumba sejurus sa-belum bertolak kelihatan bersama Pengarah Kebajikan Belia dan Sokan serta pegawai2 dari Persatuan Lumba Basikal Amatur Negeri Brunei.

BANDAR SERI BEGAWAN. — Lima orang pelumba dari Persatuan Lumba Basikal Amatur Negeri Brunei telah berlepas ka-Kuala Lumpur minggu lalu untok menyertai Perlumbaan Basikal Sa-Asia yang ka-sembilan.

Sebelum berlepas mereka telah di-beri sedikit penerangan dan nasehat oleh Pengarah Kebajikan Belia dan Sokan, Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Setia Awang Haji Hussein yang hadhir sama di-antara beberapa orang pegawai untok menguchapkan selamat belayar kapada mereka.

Penyertaan tersebut ada-lah merupakan yang julong2 kali-nya bagi ahli2 persatuan lumba basikal Brunei untok mengambil bahagian di-dalam perlumbaan yang sedemikian yang telah pun bermula pada 3hb Oktober yang baru lalu dan akan berakhir lewat hari ini.

Pasokan Brunei yang hanya menyertai dua achara perlumbaan leboh raya itu ada-lah di-ketuai oleh Yang Dipertua Persatuan Lumba Basikal Negeri Brunei, Awang Azahari bin Md Ali bersama Awang Haji Aliuddin bin Haji Ibrahim dan Awang Sibah bin Haji Dollah selaku dua orang pegawai.

Perlumbaan pertama, 100 kilometer uji masa berpasokan telah pun berjalan pada Ahad lalu sementara lewat hari ini ia-itu di-hari penutup peserta2 dari Brunei itu di-jangka akan mengadu nasib mereka dalam perlumbaan 180 kilometer sechara beramai2 yang mana kejohanan-nya nanti akan terbahagi kapada perseorangan dan berpasokan.

Menurut sa-orang juruchakap dari Persatuan Lumba Basikal Amatur Negeri Brunei ada pun tujuan Persatuan Lumba Basikal Brunei menyertai perlumbaan tersebut ada-lah untok memberikan kesempatan kapada pelumba2 tempatan untok menchari pengalaman melalui apa yang terpaksa mereka rasai semasa menchuba menyaingi pelumba2 luar negeri yang sudah begitu di-anggap terlateh. Setentu-nya dengan sendiri-nya mereka akan dapat mempelajari beberapa chara dan teknik perlumbaan yang baik sebagai oleh2 mereka.

Selain dari itu dengan chara tidak langsong ia-nya juga akan memberi kesempatan kapada pegawai2 yang mengiringkan rombongan untok memerhatikan bagaimana petugas di-sana mengendalikan perlumbaan yang begitu besar. Dengan jalan itu nanti pehak persatuan sa-tentu-nya akan dapat mengurangkan serba sedikit kesulitan dalam menjayakan sa-suatu perlumbaan dalam negeri yang mana nanti akan terpaksa menghadapi penyelenggaraan yang lebeh rapi dan terator sa-laras dengan keadaan-nya yang samakin berkembang mengikut suasana masa dan keadaan.

Kapada dermawan2 yang telah menyumbangkan derma2 mereka, pehak persatuan sangat2 berterima kaseh kerana atas jasa2 mereka-lah juga persatuan telah dapat memudahkan lagi sebarang urusan yang berkaitan dengan pemergian pelumba2 Brunei itu.

Demi untok meninggikan lagi taraf sokan lumba basikal di-negeri ini juruchakap itu telah menyeru kapada mereka2 yang sekarang sedang giat, terutama mereka yang merasai yang diri mereka sudah begitu sebati dengan arena sokan tersebut supaya akan terus berlateh demi untok meninggikan lagi kebolehan masing2.

Hal tersebut tambah juruchakap itu lagi ada-lah perlu kerana saperti mana juga hal-nya dengan sokan2 lain, kemahiran asas yang di-dapati melalui usaha2 yang tahan lasak dan gigih serta berhati2 ada-lah merupakan faktor utama untok menchapai satu2 kejayaan. "Ada-lah satu perkara yang luar dari kebiasaan jika sa-seorang itu boleh menchapai sa-suatu kejayaan yang chemerlang tanpa diri-nya menjalani usaha2 yang bersunggoh2 dan berpenat lelah", jelas-nya.

Walau bagaimana pun untok menjaga keselamatan diri pelumba masing2 yang sedang menjalani latehan, mereka ada-lah juga di-nasehatkan agar sentiasa mematohi sebarang undang2 dan peratoran2 jalan raya.

Menyentoh tentang achara2 perlumbaan dalam negeri yang telah pun di-anjorkan beberapa tahun kebelakangan ini, juruchakap itu memberitahu yang persatuan-nya akan chuba pula memperkenalkan satu chorak perlumbaan yang di-namakan 'perlumbaan trek' yang mana perlumbaan tersebut sudah pun lama popular di-luar negeri terutama sekali di-sokan2 olyimpik.

Di-tanya tentang kemajuan atau performance yang telah pun di-chapai oleh pelumba2 kita, juruchakap tersebut telah meyakinkan 'Pelita Brunei' yang taraf dan kebolehan pelumba2 tempatan yang terdapat hari ini boleh-lah di-katakan hampir2 seimbang dengan pelumba2 luar negeri.

Perkara tersebut jelas-nya boleh-lah di-perhatikan melalui chatetan masa yang telah mereka buat keatas lima orang pelumba yang telah di-hantar baru2 ini, ia-itu sa-masa mereka menjalani latehan ujian masa.

Dalam chatetan akhir di-akhir latehan yang mereka lakukan ia-itu beberapa hari sebelum pemergian pelumba2 itu, para penchatet mendapati, masa yang telah di-chapai mereka ada-lah 13 minit lebeh chepat dari masa yang telah di-rekodkan dalam perlumbaan jarak jauh pada bulan Julai lalu.

Kapada pelumba2 yang kini sedang menyertai perlumbaan di-Kuala Lumpur tambah juruchakap itu, sama2-lah kita mengharapkan kejayaan mereka.

# Brunei memperolehi 1 Pingat Perak di-Sokan Sea

BANDAR SERI BEGAWAN. — Awang Timbang bin Ahmad sa-orang dari petinju dalam rombongan ahli2 sokan dari Majlis Sokan Negeri Brunei yang telah menyertai Sukan Sea Ka-10 di-Jakarta baru2 ini telah berjaya mendapatkan satu pingat perak bagi Negeri Brunei.

Rombongan tersebut telah kembali ka-tanah ayer minggu lalu dan telah di-alu2kan antara lain oleh Naib Yang Dipertua Majlis Sokan Negeri Brunei, YAM Pengiran Penggawa Laila Bentara Istiadat Diraja Dalam Istana Pg Haji Moktar Puteh; Pengarah Kebajikan Belia Dan Sokan, Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Setia Awang Hj Hussein dan Setiausaha Agong Majlis, Pengiran Idriss ibni Almarhum Pengiran Temanggong Pengiran Haji Mohammad.

Rombongan yang di-ketuai oleh Chegu Razak Bungsu dan dua orang Pegawai lain-nya itu hanya menyertai lapan achara di-sokan tersebut. Tiga daripada-nya ada-lah dalam bahagian tinju dan lima lagi dalam bahagian olahraga.

Awang Timbang ada-lah merupakan satu2-nya petinju Brunei yang hanya berjaya memasoki perlawanan pusingan akhir dalam bahagian Heavyweight dan telah di-kalahkan oleh S. Kriss Manto seorang petinju dari Indonesia.

Dua lagi petinju Brunei walau bagaimanapun telah tewas di-perlawanan2 permulaan.

Ak Abd Rahman bin Pengiran Haji Mohidin yang bertinju dalam bahagian Flyweight telah di-tewaskan dengan kiraan mata oleh petinju dari Malaysia. Sementara Awang Abu Bakar Piut pula telah tewas dengan pukulan 'Knock Out' oleh petinju dari Indonesia dalam bahagian Lightweight.

Tiga lagi ahli sokan kita yang mengambil bahagian dalam lima achara olahraga bagaimanapun telah gagal untok menchapai sebarang kemenangan.

Brunei telah di-wakili oleh Awang Yaakub Mohammad dalam bahagian lompat jauh dan lompat kijang, Imbu taris dalam bahagian 100 dan 200 meter dan satu lagi achara lompat jauh oleh Rani Haji Haji Metassan.

Penyertaan tersebut ada-lah merupakan kali kedua bagi Majlis Sokan Negeri Brunei. Kali pertama majlis telah menyertai-nya pada tahun 1977 bilamana sokan tersebut di-adakan di-Kuala Lumpur.




# MAIN CHATOR — PERMAINAN DIRAJA

## PENAMAT DENGAN GAJAH DAN KUDA

OLEH: STEWART WAVELL

(Siri ke-47)

KITA semua tahu yang mengekalkan kedua-dua Gajah sahingga permainan hujong ada-lah satu ideal yang di-chita-chitakan dalam permainan chator. Bertugas bersama-sama pada pepenjuru yang berdekatan, dua Gajah ada-lah maha kuat dalam permainan hujong melawan buah-chator yang lain. Tetapi apa-kah yang akan terjadi jika awda hanya tinggal dengan dua Gajah di-papan-chator? Dapat-kah awda melakukan mat? Ya, jika awda memburu Raja lawan ka-penjuru. Perhatikan rajah di-bawah-:



Puteh bergerak: 1. **R-b2, R-e4; 2. R-c3, R-d5; 3. G-f3 asah, R-e5; 4. G-g3 asah, R-e6; 5. R-d4.** Proses memburu ka-penjuru ada-lah mudah tetapi berkesan. 5. . . ., **R-f5; 6. R-d5, R-f6; 7. G-g4, R-g5; 8. G-d7, R-f5; 9. G-h4 asah, R-g6; 10. R-e5, R-f7; 11. R-f5, R-g7; 12. G-e8, R-f8; 13. G-g6, R-g7; 14. G-e7, R-g8; 15. R-f6, R-h8; 16. G-f5, R-g8; 17. R-g6, R-h8; 20. G-e6 mat.** Awda tidak-lah perlu menchontohi formula ini dengan sa-tepat2-nya. Tambahan pula, Raja Hitam akan melakukan banyak gerak yang berlainan daripada yang terdapat dalam teks di-atas. Apa yang perlu awda fahami ada-lah kaedah untok menang dan menggunakan-nya untok memburu Raja Hitam ka-penjuru serta melakukan mat ka-atas-nya.

**Bagaimana dengan Raja dan Dua Kuda melawan satu Raja?**

Tidak ada jalan untok melakukan mat dengan dua Kuda dan Raja melawan satu Raja. Perhatikan rajah berikut:



Kedua2 Kuda itu tidak dapat berbuat apa2. Betul yang kedua-dua Kuda itu telah memburu Raja Hitam ka-satu penjuru, tetapi bagaimana hendak menawan-nya? Kuda di-petak f5 dapat melompat ka-petak h6 dan petak e7 tetapi itu hanya menghasilkan muttu! Jika Puteh menchuba **1. K-f8, R-g8; 2. K-d7, R-h8; 3. K-d6, R-g8; 4. K-f6 asah** dan JIKA **4. . . ., R-h8** kemudian **5. K-f7** mat. Tetapi Hitam tentu-lah tidak akan bergerak tinggal terlantong-lantong. Tidak ada jalan untok melakukan mat.

**Raja, Gajah dan Kuda melawan Raja**

Ya, awda dapat melakukan mat tetapi tidak-lah mudah. Awda mesti mempelajari tekniknya. Ada-lah mungkin dapat menggiring Raja itu ka-mana2 penjuru dan melakukan mat, jika Raja itu tidak sa-penohnya terjaga! Tetapi chuma terdapat dua penjuru yang membolehkan awda melakukan mat — penjuru2 yang di-kuasai oleh Gajah di-mana warna petak penjuru itu ada-lah sama dengan warna pepenjuru2 tempat Gajah bergerak. Jadi, mula2 putuskan ka-penjuru mana-kah awda ingin menggiring Raja musoh itu. Tentu-lah pada mula-nya Raja itu akan bergerak ka-bahagian tengah dan kemudian, apabila awda sa-makin mendekati-nya, ia akan bergerak ka-penjuru yang bukan awda hajati. Tidak mengapa, itu chuma permulaan. Sa-sudah mengiring-nya ka-satu penjuru, awda mesti-lah perlahan-lahan melakukan gerak-siasat supaya menggiring-nya ka-penjuru yang satu lagi. Ini sudah tentu lebeh mudah di-uchapkan daripada di-lakukan! Kalau dengan Menteri, Tihir atau dua Gajah ada-lah mudah untok mengurangkan bilangan petak di-mana Raja itu dapat melepaskan diri ia-itu dengan mengawal lorong2, perengkat2 atau pepenjuru2, tetapi dengan Kuda dan Gajah perkara itu ada-lah lebeh sukar. Raja mesti-lah juga di-gunakan untok menyekat petak2 tempat lari Raja musoh yang terhimpit ka-penjuru itu. Perhatikan rajah berikut dan hafal teknik yang saya tunjokkan itu. Suatu hari nanti awda akan mendapati diri awda berada dalam kedudokan saperti itu dan bershukor yang



awda telah meluangkan sedikit masa untok menguasai chara yang betul untok melakukan mat.

**1. R-b2, R-d3; 2. K-c7, R-c4; 3. K-e6, R-d5; 4. K-d4, R-c4; 5. R-c2, R-b4; 6. R-d3, R-c5; 7. G-h2.** Awda nampak apa yang saya maksudkan bahawa ada-lah sukar untok menolak Raja lawan ka-satu hala. Walau pun begitu, lama-kelamaan kita akan mengurangkan petak2 tempat-nya lari. 7. . . ., **R-d5; 8. K-b3, R-c6.** Awda nampak tak ? Raja itu terpaksa berundor dan memileh penjuru yang berpetak Puteh. Baik-lah ! — di-sana kita akan menolak-nya keluar. **9. R-c4, R-b6; 10. K-c5, R-c6; 11. K-a4 !** Awda faham tujuan gerak ini ? Sama dengan gerak-siasat yang kita gunakan pada gerak ke-8 ia-itu gerak memichit untok mengeluarkan Raja itu. **11. . . ., R-b7; 12. R-b5, R-c8; 13. R-c6, R-d8; 14. R-d6, R-c8.** Raja Hitam kembali bertahan diri, jadi untok keselamatan-nya ia bergerak ka-penjuru yang berpetak Puteh dan akan berada di-sana seberapa lama yang dapat. Sekarang kita terpaksa mengusir-nya ka-penjuru sebelah yang berpetak Hitam untok melakukan mat ka-atas-nya. **15. K-b6 asah, R-b7; 16. R-c5, R-a6.**

# KENYATAAN2 DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

## MEDICAL DEPARTMENT TENDER NOTICE

TENDERS will be received by the Chairman, Tenders Board, at the office of the State Financial Officer, Ground Floor of the Government Offices, Brunei up to 4.00 p.m. on Monday, 22nd October, 1979 for COOKED MEALS. Tenders received after this date will be rejected.

2. Tenders are invited for the supply of cooked meals to the District Hospital, Temburong/District Hospital, Tutong from 1st January 1980 to 31st December, 1980.

BREAKFAST : —
Cup of coffee (with milk and sugar)
One boiled egg (Hen)
Bread with butter or kaya
Fruit — 1 apple or orange or 2 bananas — Price $ ..................

LUNCH : —
Rice (4½ tahils) daily
Meat (4 tahils) 3 times a week
Fish (4 tahils) 3 times a week
Chicken (8 tahils) once a week
Vegetable (5 tahils) daily — Price $ ..................

DINNERS : —
Rice (4½ tahils) daily
Meat (4 tahils) 3 times a week
Fish (4 tahils) 3 times a week
Vegetable (5 tahils) daily — Price $ ..................

TEA : —
Cup of tea (with sugar and milk)
Cake or biscuits — Price $ ..................

EXTRAS — Subject to requirements : —
Eggs (Hen) ... ... each — Price $ ..................
Bananas — approx. 2 tahils ... ... each — Price $ ..................
Apples — medium size each — Price $ ..................
Local oranges — medium size each — Price $ ..................
Sunkist — medium size each — Price $ ..................

3. The District Medical Officer, Temburong/Tutong will issue instruction on the number of meals required each morning. **STRICTLY NO PORK.**

4. The quality of meals supplied must be to the satisfaction of the District Medical Officer, Temburong/Tutong of one under his instruction, otherwise the meals may be returned to the Contractor and replaced by their equivalent at the original price.

5. All meals are to include delivery daily to the District Hospital, Temburong/Tutong.

6. The contract may be terminated by either party giving one month's notice in writing.

7. Tenders must be placed in plain sealed envelope on the face of which should be written "COOKED MEALS, TEMBURONG/TUTONG". There must be no indication on the cover of the name of the tenderer.

8. Tender form may be obtained from Accounts Section, Medical Headquarters, Bandar Seri Begawan, Brunei.

9. Tender deposit will be $100.00.

10. Government does not bind itself to accept the lowest or any tender.

## MEDICAL DEPT.

TENDERS will be received by the Chairman, Tenders Board, at the office of the State Financial Officer, Ground Floor of the Government offices, Brunei up to 4.00 p.m. on Monday 22nd. October, 1979 for "FULL CREAM POWDERED MILK AND HALF CREAM POWDERED MILK". Tenders after this time will be rejected.

2. Tenders are invited for the supply of the above to the Medical and Health Department, Bandar Seri Begawan, Brunei for the year 1980.

3. The Milk must contain not less than 26% milk fat.

4. The Milk should be packed in wooden boxes, each containing 12 tins.

5. The contract may be terminated by either party giving one month's notice in writing.

6. Tenders must be placed in plain sealed envelope on the face of which should be written "FULL CREAM POWDERED MILK AND HALF CREAM POWDERED MILK". There must be no indication on the cover of the name of the tenderer.

7. Tender deposit will be $100.00

8. Government does not bind itself to accept the lowest or any tender.

9. Tender Form may be obtained from Accounts Section, Medical Headquarters, Bandar Seri Begawan, Brunei.

## TENDER NOTICE

TENDER will be received by the Chairman Tenders Board at office of the State Financial Officer, Ground Floor, Government Offices, Bandar Seri Begawan, Brunei up to 4.00 p.m. on Thursday 1st November, 1979 for the supply of the following:—

"500 units of Stackable chairs for Tutong Civic Centre"

2. Specification must be made with original factory made.

3. Approximate date of delivery must be stated.

4. Tenders must be placed in plain sealed envelopes. There must be no indication on the cover of the tenderer.

The cover must be addressed to :—
The Chairman,
Tenders Board,
c/o State Financial Officer,
Ground Floor,
Government Offices,
Bandar Seri Begawan,
Brunei.
and clearly marked :—
Civic Centre Tutong supply of 500 units Helly Chairs.

5. Any tender received in envelopes not properly addressed will be rejected.

6. Government does not bind itself to accept the lowest or any tender.

## TENDER NOTICE

**SUPPLY, INSTALLATION AND COMMISSIONING OF ENGINE TEST PLANT AT FLOTILLA BASE, MUARA**

TENDERS will be received by the Chairman of Brunei Tenders Board from Registered Class 'A' Contractors up to 12.00 noon, 6th November, 1979 for : —

SUPPLY, INSTALLATION AND COMMISSIONING OF ENGINE TEST PLANT AT FLOTILLA BASE, MUARA.

Tender documents can be obtained from the office of Messrs Associated Consultants Private Limited, Room 27-29, Hongkong Bank Chambers, Bandar Seri Begawan during normal office hours on payment of a Tender Deposit of B$1,000.00 which will be refundable to all unsuccessful tenderer upon the receipt of a bona fide tender and the return of all documents and drawings.

Tender must be submitted on the Tender Form provided and must reach the office of The Chairman, Brunei Tenders Board, Secretariat Building, Bandar Seri Begawan, not later than 12.00 noon, 6th November, 1979. Tenders received after the stipulated time will be rejected.

Tenders shall be enclosed in a plain sealed envelope marked:— "TENDER FOR SUPPLY, INSTALLATION AND COMMISSIONING OF ENGINE TEST PLANT AT FLOTILLA BASE, MUARA."

The Government of Brunei is not bound to accept the lowest or any tender.

## MEDICAL DEPARTMENT — TENDER NOTICE

TENDERS will be received by the Chairman, Tenders Board, at the office of the State Financial Officer, Ground Floor of the Government Offices, Brunei up to 4.00 p.m. on Monday 22nd October, 1979 for **NON PERISHABLE FOODSTUFF — 1980** :—

a) GENERAL HOSPITAL, BANDAR SERI BEGAWAN, BRUNEI
b) SURI SERI BEGAWAN HOSPITAL, KUALA BELAIT

Tenders received after this time will be rejected.

2. Tenders are invited to quote prices for the following non-perishable foodstuff; such prices are to be paid to the successful tenderer for twelve months from 1st January, 1980 to 31st December, 1980

| | Particulars | Weight | Price |
|---|---|---|---|
| 1. | Condensed Milk — 'MILK MAID' | 14 ozs. tin | $ .................. |
| 2. | Evaporated Milk — 'IDEAL' | 14 ozs. tin | $ .................. |
| 3. | Milk Powder 'EVERYDAY' Instant | 1 kg. tin | $ .................. |
| 4. | Milk Powder 'LACTOGEN' | 1 kg. tin | $ .................. |
| 5. | Instant Coffee — 'NESCAFE' | 2 ozs. jar | $ .................. |
| 6. | Instant Coffee — 'NESCAFE' | 10 ozs. jar | $ .................. |
| 7. | Milo Tonic Food | 500 gms. tin | $ .................. |
| 8. | Ovaltine | 16 ozs. tin | $ .................. |
| 9. | Cream Crackers 'MERMAID' | 20 ozs. tin | $ .................. |
| 10. | Cheese — 'CRAFT' | 12 ozs. tin | $ .................. |
| 11. | Butter 'GOLDEN CHURN' | 12 ozs. tin | $ .................. |
| 12. | Curry Powder — 'ARRIGONO' | 16 ozs. tin | $ .................. |
| 13. | Nestum (standard) | 1 kg. tin | $ .................. |
| 14. | Nestum (Fine Grains) | 250 gms. tin | $ .................. |
| 15. | Horlicks | 400 gms. jars | $ .................. |
| 16. | Kaya 'BASKET BALL' | 15 ozs. tin | $ .................. |
| 17. | Peas 'SMEDLY' | 15 ozs. tin | $ .................. |
| 18. | Oats 'QUACKER' | 500 gms. tin | $ .................. |
| 19. | Jam | 454 gms. | $ .................. |
| 20. | Marmalade | 454 gms. | $ .................. |
| 21. | Tea — 'LIPTON' | 16 ozs pkt. | $ .................. |
| 22. | Orange Squash — 'SUN VALLEY' | 1 qt. bottle | $ .................. |
| 23. | Tomato Sauce — 'DELMONTE' | 340 gms. bot. | $ .................. |
| 24. | Coffee Powder — 'MORNING' | 16 ozs. tin | $ .................. |
| 25. | Chinese Sauce — 'YOT' | 1 qt. bottle | $ .................. |

3. The quality of non-perishable foodstuff must be to the satisfaction of (a) the Chief Hospital Administrator, General Hospital, Bandar Seri Begaawn, Brunei, or (b) District Medical Officer, Suri Seri Begawan Hospital, Kuala Belait, otherwise the goods may be returned to the Contractor and replaced by their equivalent.

4. Tenderer must follow the brand of Foodstuff required and may elect to provide separate items at their discretion for the whole list.

5. All foodstuff to include delivery at the General Hospital, Bandar Seri Begawan, Brunei/Suri Seri Begawan Hospital, Kuala Belait.

6. The contract may be terminated by either side giving one month's notice in writing.

7. Tenders must be placed in plain sealed envelope. There must be no indication on the cover of the name of the tenderer. The cover must be addressed to the Chairman, Tenders Board, Brunei at the address given in paragraph (1) above. The supply tendered for must be clearly stated on the envelope and the wording should be as shown in paragraph (1) above. either (a) or (b).

8. Tender deposit will be $100.00.

9. Tender Form may be obtained from Accounts Section, Medical Headquarters, Bandar Seri Begawan, Brunei.

10. Government does not bind itself to accept the lowest or any tender.

## MEDICAL DEPARTMENT — TENDER NOTICE

TENDERS will be received by the Chairman, Tenders Board, at the office of the State Financial Officer, Ground Floor of the Government Offices, Brunei up to 4.00 p.m. on Monday 22nd October, 1979 for **IST CLASS PATIENT DIET — 1980** :—

a) GENERAL HOSPITAL, BANDAR SERI BEGAWAN, BRUNEI
b) SURI SERI BEGAWAN HOSPITAL, KUALA BELAIT

